


Jilid IV  
Bil. 7



Hari Selasa  
25hb April, 1978

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KEEMPAT**

*Fourth Parliament*

**PENGGAL KEEMPAT**

*Fourth Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 607]**

**USUL-USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan  
Agong [Ruangan 644]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat [Ruangan 696]**

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAILULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.P.T., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHOO CHING HWA, K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).

- Yang Berhormat DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.P.N., P.J.K. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Selasa, 25hb April, 1978

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan (Timbalan) yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

## PELABUR-PELABUR ASING

1. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan, memandang bahawa Malaysia ialah sebuah negara yang sedang membangun dan dasar Kerajaan ialah menggalak dan menarik pelabur-pelabur asing menanam modal di negara kita, cara-cara di dalam mana pelabur-pelabur asing ini akan berkerjasama dan memberi bantuan kepada pembangunan negara seperti institusi-institusi pelajaran, rumah-rumah kebajikan, sukan dan biasiswa-biasiswa kepada penuntut-penuntut.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan terhadap pelaburan asing dan aspirasinya yang terkandung dalam dasar tersebut telah diumumkan dengan secukupnya kepada pelabur-pelabur asing. Kerajaan sentiasa mengalu-alukan pelabur-pelabur asing menanam modal di negara ini memandangkan terdapat konsep timbalbalik (reciprocal atau mutual) faedah kepada pihak Kerajaan dan pihak pelabur itu sendiri. Tujuan utama pelabur-pelabur asing menanam modal di Malaysia seperti juga di negara-negara lain ialah untuk mendapat keuntungan. Kerajaan sentiasa memberi kemudahan dari berbagai aspek untuk memastikan mereka mendapat keuntungan di samping mereka memberi sumbangan kepada pembangunan negara dan pendapatan pertukaran asing kita serta faedah dari segi pekerjaan, teknologi, kepakaran pengurusan dan peluang bagi eksport baru.

Selain daripada itu sebahagian daripada pelabur-pelabur asing telah menyedari pentingnya "corporate sosial responsibility" masing-masing dengan menyumbangkan bantuan kepada projek-projek kebajikan dan lain-lain usaha yang tidak secara langsung mempunyai kaitan dengan perniagaan mereka. Di samping itu biasiswa-biasiswa telah ditawarkan kepada penuntut-penuntut tempatan bagi melanjutkan pelajaran di bidang-bidang yang diperlukan untuk memenuhi jawatan bagi syarikat-syarikat tersebut.

Dengan demikian Kerajaan menganggap para pelabur asing dapat memberi sumbangan secara langsung dan tidak langsung kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.

PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM  
PERDAGANGAN DAN  
PERINDUSTRIAN

2. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Perdana Menteri menyatakan berhubung dengan penyertaan Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian sebanyak 30% pada tahun 1990 sebagaimana yang dinyatakan dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, samada Kerajaan sedar bahawa Rancangan Malaysia Ketiga telah mematlamatkan untuk memecahkan peratus ini kepada dua iaitu 7.4% akan disertai oleh orang-orang Melayu perseorangan dan 22.6% akan disertai oleh syarikat kepentingan Melayu yang mana saham-sahamnya akan dipunyai oleh agensi-agensi Kerajaan di masa itu. Jika ya:

- (a) mengapakah Kerajaan telah mengelirukan penyertaan orang Melayu dengan mendefinisikan "orang-orang Melayu perseorangan" dan "Syarikat-syarikat kepentingan Melayu" di bawah Rancangan Malaysia Ketiga;

- (b) mengapakah matlamat Rancangan Malaysia Ketiga dalam hal ini telah menyeleweng dari apa yang ternyata di dalam Rancangan Malaysia Kedua di mana telah dinyatakan dengan terangnya bahawa matlamat penyertaan orang Melayu dalam perdagangan dan perindustrian pada tahun 1990 ialah 30% dan dua definisi seperti di atas itu tidak disebutkan;
- (c) apakah definisi lain yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk mengelabui mata rakyat supaya dapat menutup kegagalan Kerajaan untuk mencapai matlamat 30% penyertaan orang Melayu kerana sebenarnya penyertaan orang Melayu pada tahun 1990 ialah hanya 7.4% dan yang selebihnya sebanyak 22.6% itu tidak akan dimiliki oleh orang Melayu; dan
- (d) adakah Kerajaan sedar bahawa sebenarnya pada tahun 1990 penyertaan orang Melayu dalam perdagangan dan perindustrian akan hanya 5% dan bukan 30% sebagaimana yang dijanjikan.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini membuktikan perubahan sikap yang telah berlaku kepada Ahli Yang Berhormat yang pada suatu masa berada dalam Parti Kerajaan dan Ketua Partinya dahulu bersama-sama lihat, kaji dan lulus Rancangan Malaysia Ketiga.

Yang Berhormat Dato' Asri, yang dahulu menjadi Menteri dalam Kerajaan Pusat tidak pula berkata pada ketika ia menyemak Rancangan Malaysia Ketiga bahawa pembahagian peratusan modal antara Bumiputra perseorangan dan syarikat kepentingan Bumiputra merupakan usaha mengelabui mata rakyat. Beliau tahu benar bahawa ini sahajalah caranya untuk menentukan Bumiputra mendapat bahagiannya sebanyak 30% pada tahun 1990.

Ahli Yang Berhormat tentu tahu dan Ketua Partinya lebih tahu bahawa orang Bumiputra perseorangan tidak mampu membeli semua saham-saham dan menyimpan saham-saham itu, jika bahagian untuk Bumiputra cuba dijual juga kepada individu Bumiputra sahaja. Jika ini dicuba, Ahli Yang Berhormat tentu tahu bahagian itu akhirnya akan terlepas dari tangan Bumiputra dan terdapat ke tangan orang lain. Cuma orang yang

tidak mahu melihat Bumiputra memiliki 30% sahaja yang diperuntukkan kepada mereka sahaja yang akan menekan supaya syer-syer dijual juga kepada Bumiputra seorangan sahaja. Mereka ini berharap dengan ini bukan bumiputra akan memiliki saham yang dikhaskan untuk bumiputra. Jika Ahli Yang Berhormat menekan juga supaya semua saham dijual kepada bumiputra seorangan orang mungkin sangka Ahli Yang Berhormat termasuk dalam golongan orang jenis ini.

Oleh itu saya berharap Ahli Yang Berhormat tidak cuba mengeliru orang Bumiputra supaya mereka tertipu dan hilang bahagian mereka. Kerajaan sedar tentang tujuan ini dan rakyat juga sedar. Rakyat tidak keliru dan mata mereka tidak kelabu. Mereka tahu hasrat orang yang menegur hasrat Kerajaan yang jujur.

Oleh sebab ini saya tidak perlu jawab secara langsung pertanyaan dalam (a), (b), (c) dan (d) kerana soalan ini tidak bangkit di kalangan rakyat dan Ahli Yang Berhormat sendiri boleh mendapat penjelasan dari Ketua Partinya yang dahulu menjadi Menteri dalam Kerajaan Pusat dan dengan penuh dedikasi menyokong kelulusan dan pelaksanaannya.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selama saya di dalam Dewan ini tidak pernah saya bercakap mengenai parti dan perseorangan, tetapi saya adalah bercakap memperjuangkan rakyat dan soai negara. Soalan tambahan saya begini:

- (1) Adakah Kerajaan sedar bahawa pakar-pakar ekonomi dan institusi pelajaran tinggi dan simposium serta seminar telah menyatakan bahawa dasar untuk mencapai 30% penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian pada tahun 1990 memang tidak dapat dicapai;
- (2) Adakah terdapat pakar-pakar ekonomi Kerajaan dengan pasti dapat menyatakan bahawa pendapat-pendapat ahli-akademik universiti dan yaysan pelajaran tinggi serta seminar tersebut salah dalam pendapat mereka bahawa Kerajaan tidak boleh mencapai 30% penyertaan Bumiputra itu.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang ahli akademik membuat teguran ini, tetapi yang

saya katakan di sini ialah kalau kita telah bersama-sama bersetuju dengan sesuatu pendapat mestilah kita mempertahankan pendapat itu selama-lamanya; janganlah kita tukar sikap setelah kita tukar tempat. Itu sahaja.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menarik balik tuduhan kepada saya. Saya tetap tidak berubah sikap selagi saya berada dalam Dewan ini demi untuk kepentingan rakyat dan negara, saya tetap memerjuangkan dalam Dewan ini.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tafsiran ubah sikap antara saya dengan Ahli Yang Berhormat itu berbeza. Saya kata sudah ubah sikap, kalau dahulu kita sokong sekarang kita tidak sokong bermakna itu ubah sikaplah. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat tidak bersetuju dengan tafsiran bahawa ini merupakan ubah sikap, saya tidak upaya hendak kata apa.

## PENGANGGURAN KETURUNAN INDIA

**3. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan di atas pendapat-pendapat dalam perenggan 250 Rancangan Malaysia Ketiga yang menyatakan bahawa kadar pengangguran di kalangan rakyat Malaysia keturunan India adalah lebih dan oleh itu peluang pekerjaan yang lebih haruslah diberikan dalam perkhidmatan awam dan sektor-sektor swasta. Setakat ini apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memperbaiki keadaan ini.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar mengenai kadar pengangguran yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia keturunan India, sebagaimana yang dilaporkan di dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga. Langkah-langkah telah diambil untuk mengurangkan kadar ini sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

Mengikut angka-angka yang terdapat di Perkhidmatan Pekerjaan di bawah Kementerian saya, pada akhir bulan Januari tahun ini terdapat seramai 17,185 orang India yang telah mendaftarkan diri mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Ini merupakan 15.7%

daripada jumlah seluruh pendaftaran yang ada di Perkhidmatan ini. Di dalam menjalankan aktiviti-aktiviti penempatan, Perkhidmatan Pekerjaan sentiasa membuat penempatan bagi keturunan India sebanyak lebih kurang 16% daripada jumlah seluruh penempatan yang dibuat oleh Perkhidmatan itu adalah terdiri dari keturunan India.

Sebagaimana Yang Berhormat telah inaklum dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telah merancangkan berbagai projek pembangunan untuk menghasilkan peluang-peluang pekerjaan yang banyak dan adalah diharapkan peluang-peluang pekerjaan ini akan dapat diberi kepada semua kaum sesuai dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh satu-satu kaum itu dalam konteks Dasar Ekonomi Baru.

Hasil dari usaha ini kedudukan pekerja-pekerja India di perusahaan-perusahaan yang telah diluluskan ataupun yang diberi taraf perintis, telah mencerminkan satu hasil yang menggalakkan. Sejak 1975 jumlah mereka telah meningkat dari 12% ke 13%, pengambilan kerja di lain-lain sektor yang baru juga telah meningkat sebagaimana yang telah saya terangkan di Dewan ini ketika menjawab soalan mengenai pekerjaan kaum-kaum keturunan India di dalam sektor Banking.

Melalui langkah-langkah seperti ini kita berharap masalah kadar pengangguran tinggi di kalangan rakyat Malaysia keturunan India khasnya dapat diselesaikan kelak. Akan tetapi, pekerja-pekerja tersebut perlulah dilengkapi dengan kemahiran dan pelajaran yang sesuai sebelum mereka dapat mengisi peluang-peluang pekerjaan yang ujud di berbagai-bagai sektor ekonomi. Kementerian saya juga memberi kemudahan kepada pekerja-pekerja India untuk meningkatkan lagi kemahiran mereka melalui rancangan-rancangan latihan di Institut-institut Latihan Perindustrian.

## PASPOT ANTARABANGSA

**4. Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai pemohon-pemohon paspot antarabangsa dari kawasan-kawasan luarbandar sukar mendapat orang yang

berpangkat sepertimana yang ditetapkan dalam borang permohonan sebagai penyokong mereka dengan sebab-sebab :

- (i) bilangan orang yang berpangkat tersebut sangat kurang di kawasan-kawasan luar-bandar; dan
- (ii) peraturan mewajibkan penyokong-penyokong mesti benar-benar kenal dengan pemohon yang berkenaan.

Jika sedar, samada beliau akan memperluaskan akan skop golongan orang yang layak menjadi penyokong kepada Penghulu-penghulu dan Guru-guru Besar, kerana mereka ini adalah lebih rapat dan kenal dengan penduduk-penduduk luarbandar.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pemohon-pemohon paspot antarabangsa dari kawasan luarbandar untuk mendapatkan orang yang berpangkat sebagai penyokong permohonan mereka. Memandangkan akan hakikat inilah, Kerajaan telahpun mengambil tindakan meluaskan skop golongan orang yang layak menjadi penyokong permohonan paspot mereka. Ini termasuklah Penghulu-penghulu dan Guru-guru Besar Sekolah.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kesulitan yang dihadapi oleh pemohon-pemohon paspot antarabangsa, sedarkah Kementerian ini bahawa ada sindiket-sindiket penipuan berhubung dengan mendapatkan paspot antarabangsa ini sekiranya didapati kepada siapa disalahkan samada kepada sindiket ataupun pegawai-pegawai yang mengeluarkan paspot ini.

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, soal penipuan tidak termasuk dalam skop soalan ini tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu walaupun ada pihak-pihak yang cuba melakukan penipuan Kerajaan tidak mendapat sebarang aral atas menjalankan permohonan-permohonan yang sah dari warganegara-warganegara yang ingin memiliki paspot antarabangsa.

## KUARI DI BATU CAVES

**5. Tuan V. S. M. Vellayappa** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar banyak seruan telah dibuat supaya Kerajaan memberhentikan pemecahan batu di Batu Caves, dan jika ya, apakah tindakan Kementerian sedang ambil untuk membatalkan lesen pecah batu yang ada sekarang supaya Batu Caves sebagai satu lambang kemegahan ugama Hindu dan sebagai satu tempat yang bersejarah akan dipelihara dan dikekalkan.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, ya, saya sedar di atas beberapa seruan yang menggesa supaya Kerajaan memberhentikan kerja-kerja kuari di sekitar kawasan Batu Caves.

Walau bagaimanapun, sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum oleh kerana lesen-lesen bagi menjalankan kerja-kerja kuari tersebut tidak dikeluarkan oleh Kementerian saya, maka Kementerian ini tidak dapat membatalkannya tetapi hanya dapat menasihati pihak-pihak berkuasa yang berkenaan mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil.

## PENTADBIRAN YANG BERSIH

**6. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Perdana Menteri menyatakan, iaitu bersabit dengan ikrar yang dibuat olehnya dalam Utusan Tahun Baru 1978 beliau akan mempertahankan sebuah pentadbiran yang bersih, jujur dan cekap, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil supaya ikrar ini berhasil.

**Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):** Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan bahawa Pentadbirannya adalah bersih, jujur dan cekap.

Kerajaan melalui agensi-agensi dan jabatan-jabatannya sentiasa menjalankan perancangan, penyelarasan dan penilaian terhadap semua perlaksanaan dasar-dasarnya.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan pentadbiran yang jujur, cekap dan bersih ialah :

- (a) menambahkan kecekapan dan kemahiran pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan melalui latihan-latihan di bidang pentadbiran yang dijalankan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Di mana perlu, pegawai-pegawai juga dihantar ke luar negeri untuk menjalani latihan. Isi kandungan kursus-kursus latihan itu juga diperbaiki dan dikemaskinikan dari masa ke semasa supaya kecekapan pegawai-pegawai terus meningkat.
- (b) mengujudkan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (UPTM) di Jabatan Perdana Menteri. Tugas utama UPTM ialah mengukuhkan lagi bentuk susunan jentera pentadbiran dan perancangan tenaga manusia dalam badan-badan Kerajaan, baik di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri mahupun di peringkat Kerajaan Tempatan, dan membaiki serta memodenkan sistem dan tatacara pentadbiran di peringkat operasi bagi mempercepatkan proses-pelaksanaan pembangunan.
- (c) menjalankan kawalan tata-tertib pegawai Kerajaan, terutamanya melalui peraturan-peraturan jabatan dan menguatkuasakan lagi Perintah Am Bab 'D' (Tata-tertib). Kerajaan adalah menyemak dan mengkaji semula dari masa ke semasa peraturan-peraturan tersebut, bagi memastikan bahawa pegawai-pegawai menjalankan tugas dengan penuh kejujuran dan berdedikasi.
- (d) Selain dari langkah-langkah ini, Kerajaan telah juga menubuhkan beberapa badan seperti Biro Siasatan Negara dan Biro Pengaduan Awam, yang bertanggungjawab untuk mengawas dan menjamin tidak berlakunya penyelewengan oleh agensi-agensi Kerajaan.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai perkara rasuah. Pada masa sekarang dan masa yang lalu biasanya apabila sesuatu kesalahan dilakukan oleh ikan kecil dan ikan besar, ikan kecil itu ditangkap

begitu senang sahaja, tetapi ikan besar boleh berenang di perairan Malaysia dengan tiada apa-apa halangan. Jadi oleh sebab kita mempunyai seorang Perdana Menteri yang begitu jujur, dedikasi dan bersih, kita berdoa beliau akan mengatasi masaalah rasuah sungguhpun bukan begitu senang.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Apa soalnya?

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalnya berbunyi, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjanji apabila seseorang terlibat dengan rasuah pentadbiran Kerajaan beliau tidak akan mengira samada ikan besar atau ikan kecil, mestilah diambil tindakan. Kita tidak mempunyai dua undang-undang yang berlainan, satu kepada orang miskin dan satu kepada orang kaya yang mempunyai influence atau kuasa. Soalan tambahan saya, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa pada masa sekarang orang-orang besar yang kaya dan mempunyai influence itu dibiarkan, tetapi warganegara biasa yang melakukan satu-satu kesalahan mengikut undang-undang rasuah itu ditangkap. Bolehkah Yang Amat Berhormat berjanji bahawa langkah yang akan diambil itu tegas dengan tidak mengira siapa.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berani mengatakan saya sedar bahawa ada orang-orang sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Ini saya telah terangkan beberapa kali iaitu pendirian Kerajaan yang ada sekarang berkenaan dengan rasuah ialah Kerajaan akan mengambil tindakan dengan tidak mengira samada ikan besar atau ikan kecil, samada ikan besar lalu di atas atau menyelam di bawah. Kita tidak kira dan saya telah menerangkan bahawa itulah hasrat kita dan kita sudah laksanakan dan kita akan terus laksanakan hasrat kita itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi telah mengatakan bahawa beberapa langkah sedang dijalankan untuk melicinkan pentadbiran yang bersih, jujur dan cekap. Adakah dengan keadaan ini dapat disempurnakan matlamat ini dengan adanya kekurangan kakitangan Kerajaan khususnya pada Kerajaan Persekutuan bagaimana yang

diumumkan baru-baru ini. Apa langkah hendak menyempurnakan matlamat ini supaya dapat kakitangan Kerajaan itu penuh berkhidmat di tiap-tiap jabatan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat itu satu daripada masalah besar yang kita hadapi bukan sahaja di Kerajaan Persekutuan bahkan juga di Kerajaan-kerajaan Negeri ialah kekurangan tenaga bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga yang kita semua tahu berlipat ganda besarnya daripada yang sudah-sudah. Sebagaimana yang telah diterangkan dari masa ke masa bahawa kita berikhtiar hendak mengatasi dengan beberapa jalan, menambah kakitangan di Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dan juga berikhtiar mencari kakitangan daripada luar negeri. Inilah ikhtiar yang kita perbuat dan kita akan laksanakan. Masaalah ini memanglah benar terutama sekali oleh kerana rancangan yang kita sedang laksanakan ini adalah lebih besar daripada yang sudah-sudah.

## HOSPITAL PERSENDIRIAN

**7. Tuan Michael Wong Kuan Lee** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa doktor-doktor pakar di hospital-hospital persendirian dan klinik-klinik persendirian yang mengenakan bayaran yang berlebihan kepada pesakit-pesakit mereka dan samada Kementeriannya sedang berfikir meluluskan undang-undang menetapkan kadar bayaran-bayaran yang boleh dikenakan, seperti undang-undang berkaitan dengan iktisad-iktisad lain seperti penguam-peguam.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kadar pembayaran yang dikenakan merupakan satu perkara di antara seseorang pesakit dengan doktor-doktor pakar yang berkenaan masing-masing. Sekiranya pesakit tersebut mendapati bahawa kadar bayaran yang dikenakan adalah terlalu tinggi, pesakit tersebut bolehlah mendapatkan rawatan dari pakar yang lain. Setakat ini, Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan bagi menetapkan kadar bayaran-bayaran yang boleh dikenakan.

## PENGELUARAN MINYAK MENTAH

**8. Datuk Haji Abdul Razak bin Husain** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan berapa peratus hasil minyak daripada pengeluaran minyak di Sabah diberi kepada Kerajaan Negeri Sabah semenjak pengeluaran dimulakan, dan jumlah pengeluaran minyak harian, bulanan serta tahunan sehingga akhir tahun 1977.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut perjanjian, Petronas dikehendaki membayar sebanyak lima peratus daripada pengeluaran kasar minyak mentah di Sabah kepada Kerajaan Negeri Sabah sebagai royalti.

Jumlah pengeluaran tahunan minyak dari Sabah ialah:

1974	...	...	218,669 tong
1975	...	...	3,561,672 tong
1976	...	...	18,143,385 tong
1977	...	...	26,949,173 tong

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai jumlah pengeluaran harian dan bulanan, saya minta izin memberi jawapan secara bertulis, oleh kerana jawapannya adalah panjang. Saya akan sampaikan jawapan yang bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara minyak ini amatlah mustahak kepada rakyat jelata di negara kita ini, saya suka memberi maklumat tambahan sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini.

Perjanjian antara PETRONAS dengan Negeri Sabah mengenai pengeluaran minyak mentah adalah berkuatkuasa mulai 1hb April, 1975. Ada dua kawasan pengeluaran minyak di perairan Sabah yang terlibat di dalam perjanjian itu iaitu satu kawasan Tembungo yang telah memulakan pengeluaran perdagangan dari bulan September, 1974. Kawasan Semerang yang telah memulakan pengeluaran perdagangan pada bulan Jun, 1975. Kontrektor bagi kawasan Tembungo ialah Esso Industrial Malaysia Incorporated. Kontrektor bagi kawasan Semerang ialah Sabah Shell Petroleum Company.

Bagi tempoh 1hb April, 1975 hingga 31hb Disember, 1977 jumlah royalti yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Sabah ialah

\$78,817,387. Mengikut Perjanjian Perkongsian Pengeluaran (Production Sharing Agreement) pembahagian hasil minyak adalah seperti berikut:

Jika katakanlah jumlah pengeluaran 100; daripada itu 10% minyak royalti iaitu untuk Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. 20% minyak kos iaitu untuk kontrektor dan 70% minyak untuk Production Sharing. Daripada 70% itu pula pembahagiannya ialah 70% untuk PETRONAS dan 30% untuk kontrektor. Jadi rumusannya daripada jumlah pengeluaran minyak mentah itu pembahagiannya adalah Kerajaan Persekutuan 5%, Kerajaan Negeri 5%, PETRONAS 49%, kontrektor iaitu syarikat minyak 41%.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini bahawa mengikut penyiasatan pakar minyak negara kita bahawa minyak yang ada di Sabah itu bolehkah kita dapat dalam anggaran 30 tahun atau lebih daripada itu boleh mengeluarkan hasil bagi faedah kemandapan ekonomi negara?

**Perdana Menteri:** Ini soalan lain dan bukan saya tidak hendak menjawab tetapi saya tidak berani hendak menjawab dengan tidak ada disemak jawapan saya. Kalau diberi notis, saya akan menjawabnya.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Hasil minyak ialah satu daripada hasil yang baru bagi negara kita dan pendapatannya pun lumayan, jadi adakah pihak Kerajaan bersedia memerintahkan kepada PETRONAS supaya menyasat semua perairan negara kita ini untuk mengetahui samada kawasan ini ada minyak atau tidak. Dengan jalan itu kalau sekiranya usaha ini digalakkan maka ada harapan barangkali di negeri-negeri lain juga dalam perairan ini boleh mengeluarkan hasil minyak. Adakah Kerajaan bercadang supaya memerintahkan kepada PETRONAS atau sekutunya berbuat demikian?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai tepatnya barangkali Ahli Yang Berhormat itu hendak tahu ada atau tidak minyak di perairan Pahang (*Ketawa*).

Berkenaan dengan mencarigali dan menyiasat minyak, ini memang berjalan dan ini telah dibuat daripada satu masa ke satu masa. Yang telah sudah kita dapat ketahui telah diumumkan di dalam akhbar, dan kita berharap barangkali pada satu hari siapa tahu kalau sesat daripada Trengganu masuk ke perairan Pahang—terjumpa pula minyak di perairan Pahang. Kita berdoalah dan saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Pahang juga berdoa barangkali ada kemungkinan terjumpa minyak di perairan Pahang.

### PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWELL

**9. Tuan V. SM. Vellayappa** minta Perdana Menteri menyatakan hasil mesyuarat Serantau Ketua-ketua Negara Komanwel yang diadakan baru-baru ini di Australia dan nyatakan juga samada keputusan-keputusan yang tercapai di mesyuarat itu memberi faedah secara langsung kepada Malaysia khususnya. Adakah mesyuarat seperti itu akan menjadi sebuah pertubuhan seperti ASEAN dan adakah ia akan menguntungkan Malaysia.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan hasil dan faedah Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Australia, ketika menjawab soalan yang sama maksudnya daripada Yang Berhormat Encik M. Mahalingam pada 17hb April.

Mengenai samada Persidangan itu akan menjadi sebuah pertubuhan seperti ASEAN, jawapannya ialah tidak.

### PERUSAHAAN KAYU-KAYAN

**10. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada syarikat-syarikat perseorangan bukan Bumiputra dapat menyertai bersama dengan syarikat-syarikat yang ditadbirkan oleh Kerajaan dalam bidang perniagaan kayu-kayan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bahawa syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan samada Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mengendalikan perusahaan perikanan itu adalah merupakan satu-satunya langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meninggikan lagi

perniagaan Bumiputra dalam perusahaan-perusahaan kayu-kayuan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru negara untuk menyusun semula masyarakat terutamanya bagi pihak kaum Bumiputra yang telah jauh ketinggalan dalam semua bidang perniagaan dan perusahaan termasuklah perusahaan perikanan.

Beberapa perusahaan yang ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri telah dapat ditubuhkan tetapi setakat ini syarikat-syarikat itu belum lagi boleh dikatakan mencapai kejayaan sebagaimana yang diharapkan.

Tujuan asal rancangan penubuhan syarikat-syarikat perikanan yang ditadbirkan oleh Kerajaan itu adalah dengan tujuan untuk meninggikan perniagaan Bumiputra dalam perusahaan itu. Maka Kerajaan ingin menjual saham-saham dalam syarikat-syarikat tersebut kepada Bumiputra sahaja apabila perniagaan syarikat itu berjalan dengan baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ada beberapa buah syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri adalah merupakan syarikat usahasama di antara Kerajaan Negeri dan pihak swasta. Bagi syarikat-syarikat itu maka terpulanglah kepada Kerajaan Negeri masing-masing untuk menentukan penyertaan pihak swasta dalam-syarikat-syarikat itu.

### PERCUBAAN MENCELEK PERDANA MENTERI

**11. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan iaitu bersabit dengan lawatan beliau ke Australia baru-baru ini, ada berita yang menyatakan beliau akan dicolek. Apakah tindakan Kerajaan terhadap kegiatan tersebut.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, pada 19hb Februari yang lalu, semasa saya berada di Sydney, pihak berkuasa Australia telah memberitahu saya bahawa, mengikut satu punca yang mereka percayai, satu pertubuhan yang bernama Liga Pembebasan Malaysia (Malaysian Freedom League) akan cuba mencolek saya setiba saya di Melbourne pada tengahari itu. Pihak berkuasa Australia telah membuat segala usaha untuk menjamin keselamatan saya, termasuk menyediakan satu pesawat khas Tentera Udara Di Raja Australia untuk membawa saya ke Melbourne.

Tetapi dengan hasrat tidak mahu mengusahakan pihak kerajaan Australia, saya telah mengambil keputusan untuk membatalkan lawatan saya ke Melbourne dan terus pulang ke Malaysia hari itu juga.

Mengenai lapuran tentang cubaan untuk mencolek saya itu, Kerajaan telah berhubung dengan Kerajaan Australia untuk mendapatkan butir-butir lanjut mengenainya, terutama mengenai pertubuhan yang terlibat. Kerajaan telah memberitahu pihak Australia iaitu mengikut rekod kita, tidak ada pertubuhan yang dinamakan Liga Pembebasan Malaysia itu. Pertubuhan yang ada dalam rekod kita ialah Liga Pembebasan Rakyat Malaya atau Malayan Peoples Liberation League (MPLL), iaitu sebuah pertubuhan bawah-tanah (underground) Parti Komunis Malaya/Marxist-Leninist, yang sangat ganas. Pihak Australia telah juga diberitahu nama-nama orang Malaysia yang berada di Australia yang biasa melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan subversif dan anti-Malaysia. Pihak Australia adalah memberi kerjasama yang rapat dalam hal ini.

Sehingga sekarang, belum ada apa-apa yang diperolehi dari penyiasatan yang dibuat oleh pihak Australia atau pihak kita mengenai percubaan mencolek diri saya itu.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kejadian ini telah berlaku adakah apa-apa cadangan pada masa yang akan datang semasa Perdana Menteri Malaysia ingin membuat lawatan rasmi ke negara-negara luar atau pergi untuk menghadiri persidangan antarabangsa, kita hendaklah terlebih dahulu menghantar kaki-tangan polis kita pergi ke negeri-negeri yang berkenaan. Seperti Amerika Syarikat misalnya, kawalan yang begitu ketat diambil apabila seseorang President atau Naib Presidentnya hendak membuat lawatan ke sesuatu negara luar. Jadi, apakah rancangan Kerajaan Malaysia untuk mengadakan perhubungan dengan pasukan polis dengan menghantar anggota-anggota polis kita sebelum Perdana Menteri kita pergi.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali lawatan yang dibuat oleh saya, khususnya lawatan rasmi memang pihak tuan rumah itu mengambil berat bagi keselamatan tetamunya. Dan bagi pihak kita memanglah menjadi amalan kita menghantar orang kita

dan mengambil langkah dan berhubung dengan pihak-pihak berkuasa keselamatan di negeri yang dilawati oleh saya supaya persiapan yang sewajarnya dibuat.

Selain daripada itu, bagi kita di sini, terutama sekali bagi pihak kita dan juga dengan cara sistem pemerintahan kita dan masyarakat kita, kita tidaklah, kalau boleh hendak membuat mana-mana perlindungan yang terlampau ketat sehingga tidak dapat kebebasan seseorang tetamu itu di negeri yang lain.

Walau bagaimanapun, sungguhpun negara-negara yang saya sudah lawati membuat persiapan demikian, tidaklah dengan terusterang atau nampak sangat atau ketat sangat, tetapi mereka itu memang mengambil berat berkenaan dengan keselamatan-keselamatan tetamu negaranya. Begitu juga bagi pihak kita, bila kita menerima lawatan daripada Ketua-ketua negara yang lain akan menjadi kebimbangan dan menjadi tanggungjawab berat kepada negara kita dan kepada Kerajaan iaitu keselamatan tetamu-tetamu kita itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Tadi telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa Liga Pembebasan Rakyat Malaya yang ujud di negeri ini telah pergi ke Australia. Adakah Kerajaan berfikir bahawa Liga ini tidak boleh meluaskan sayapnya ke negeri-negeri lain dan setakat ini apa langkah yang kita sedang buat kepada negeri-negeri lain itu supaya Liga Pembebasan Rakyat Malaya ini tidak berleluasa untuk mengambil tindakan khasnya kepada pemimpin-pemimpin kita yang pergi berulang-alik ke sana.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi amalan bagi Kedutaan-kedutaan kita mengambil berat dan mengambil pandangan di tiap-tiap negeri di mana kita ada kedutaan bagi meninjau dan mendapatkan maklumat jika ada golongan-golongan seumpama ini, dan ini selalunya kalau ada maklumat dan laporan-laporan disampaikan kepada pihak polis kita di sini.

## UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

**12. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang untuk membuat

pindaan kepada syarat-syarat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi membolehkan seseorang penacarum mengeluarkan kesemua sekali carumannya apabila beliau bersara ketika berumur 50 tahun.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ditubuhkan ialah untuk memberi jaminan kewangan penacarum-pencarum di masa tua. Undang-undang KWSP telahpun memperbekalkan bahawa seseorang penacarum boleh mengeluarkan satu pertiga (1/3) daripada carumannya pada umur 50 tahun.

Oleh yang demikian, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda undang-undang KWSP bagi membolehkan seseorang penacarum mengeluarkan semua carumannya apabila beliau bersara ketika berumur 50 tahun.

## MURID-MURID PENAGIH DADAH

**13. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun** minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan memandangkan bahawa Kerajaan pada masa sekarang sedang giat dalam usahanya untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan amalan mengedar serta menagih dadah di kalangan muda-mudi, murid-murid sekolah serta kakitangan Kerajaan dengan menghantar mereka ke pusat-pusat pemulihan selama kira-kira di antara enam bulan dan setahun:

- (a) adakah murid-murid sekolah tersebut akan dibenar untuk belajar semula di sekolah-sekolah asal mereka setelah keluar dari pusat pemulihan itu; dan
- (b) adakah kakitangan Kerajaan akan diambil bekerja semula setelah keluar dari pusat pemulihan itu;

jika tidak, Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk memberi latihan perusahaan atau vokesyenal kepada mereka sewaktu mereka berada di pusat-pusat pemulihan agar dapat mereka gunakan pengetahuan ini sebagai mata pencarian dan seterusnya dapat mengawal diri dari terceburlah semula dalam penagihan dadah.

**Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Datuk Sri Haji Hamzah bin Datuk Haji Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) (i) Murid-murid sekolah yang dihantar ke pusat-pusat pemulihan akan dibenarkan belajar semula di sekolah-sekolah asal mereka apabila mereka keluar daripada pusat pemulihan itu dengan syarat murid-murid tersebut di dalam lebih had umur yang ditetapkan di mana mereka patut berada dalam satu-satu darjah atau tingkatan.
- (ii) Mestilah ada tempat di sekolah-sekolah asal mereka. Jika sekiranya tidak ada, mereka mungkin akan ditempatkan di sekolah-sekolah yang berhampiran.
- (b) Kakitangan-kakitangan Kerajaan yang didapati terlibat di dalam kegiatan penyalahgunaan dadah akan dikenakan tindakan tatatertib termasuk untuk tujuan dibuang kerja.

Mereka yang memerlukan rawatan dan pemulihan akan hanya diberi cuti tanpa gaji selama tempoh yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan. Kelulusan perkhidmatan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah dihantar ke Pusat Pemulihan Penagihan Dadah ini adalah satu budibicara Lembaga Tatatertib yang berkenaan.

Bagi seseorang yang dihantar masuk ke Pusat-pusat Pemulihan untuk mendapat rawatan mereka menerima rawatan seperti pemulihan psycho-social. Terlebih dahulu mereka diberi rawatan yang dikatakan detoxification di rumah-rumah sakit setelah itu barulah mereka dihantar ke Pusat Pemulihan Dadah Kerajaan.

Pemulihan psycho-social adalah dibahagikan kepada beberapa bahagian untuk menukarkan sikap dan cara penghidupan seseorang penagih dadah itu kepada satu cara hidup yang boleh diterima oleh masyarakat. Satu dari segi therapy perunding cara individu dan berkelompok, kedua melatih pembinaan jasmani, latihan moral dan ugama, riadah dan pembentukan tanggungjawab terhadap diri sendiri dan juga masyarakat amnya.

Dalam bidang therapy-vocational pula latihan dijalankan untuk membiasakan diri mereka yang dirawat itu dengan kegiatan harian supaya mereka dapat mengubah sikap dan semangat bekerja dapat dipupuk semula. Kebanyakan mereka oleh sebab penagih dadah telah kehilangan hasrat mereka bekerja.

Pusat-pusat Pemulihan tidaklah dapat memimpin penghuni-penghuni Pusat tersebut dalam satu bidang vocational yang tertentu oleh sebab masanya adalah terlalu singkat bagi tujuan ini. Pada kebiasaannya mereka yang dirawat telahpun mempunyai pekerjaan yang tetap.

Bagi memenuhi masa penghuni-penghuni yang dirawat, kegiatan-kegiatan seperti:

- (a) Pertukangan kayu.
- (b) Kimpalan (Welding).
- (c) Menjilid Buku (Book Binding).
- (d) Kerajinan Tangan (handicraft).
- (e) Pemeliharaan Bangunan, Kerja-kerja Pembinaan dan kerja bercucuk tanam.

Perlu ditegaskan di sini bahawa therapy-therapy tersebut adalah dijalankan untuk mendidik penghuni-penghuni itu supaya menghabiskan masa mereka dengan lebih berfaedah lagi dengan harapan apabila mereka mempunyai kegiatan-kegiatan tertentu sebagai hobby, tumpuan pemikiran mereka tidaklah 100% digunakan untuk memikirkan perkara-perkara berkenaan dengan dadah.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Tuan di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Undang-undang menyatakan bahawa penagih-penagih dadah ini akan diterima semula ke sekolah asal mereka dengan syarat mereka tidak melebihi umur. Oleh kerana kita berpendapat bahawa penagih dadah ini adalah terdiri daripada mereka yang malang, jadi saya rasa kemungkinan mereka ini tidak melebihi umur dan agak sukar kerana di dalam masa pemulihan itu umurnya tetap berjalan. Adakah Kerajaan memandang bahawa oleh kerana mereka ini termasuk dalam golongan yang malang menimbang supaya ditolak umur semasa mereka dalam pemulihan.

**Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung samada ada tempat di sekolah-sekolah yang berkenaan. Dalam pada itu kalau sekiranya ada tempat, jika adanya kelebihan umur di kalangan murid-murid yang terlibat dalam perkara ini saya percaya pertimbangan pihak-pihak yang berkenaan iaitu Kementerian Pelajaran.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini seseorang yang menjadi pender

dadah disifatkan sebagai penjenayah ada hukuman yang boleh dikenakan kepadanya. Tetapi yang menghisap dadah kita masih belum lagi mensifatkan mereka itu sebagai penjenayah. Adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan satu undang-undang supaya penghisap dadah ini juga disifatkan sebagai penjenayah yang juga boleh didakwa dan dihukum mengikut timbangan Mahkamah?

**Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan menganggap bahawa penagih dadah ini adalah satu penyakit yang agak lebih baik diambil tindakan dari segi rawatan daripada dikenakan satu-satu hukuman di bawah satu-satu undang-undang, oleh kerana itu apabila seseorang itu didapati terlibat dalam perkara penagihan dadah tumpuan dan perhatian kita adalah semata-mata kepada perkara di dalam mana ia dapat dipulihkan semula, menjadi baik seperti masa sebelum ia terlibat di dalam perkara penagihan dadah.

## HOSPITAL BARU KUALA KANGSAR

**14. Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada sebuah hospital baru akan dibina di Kuala Kangsar untuk menggantikan Hospital Perempuan yang sekarang ini memandangkan bahawa keadaan hospital itu kini sangat buruk dan bertambahnya bilangan penduduk di sana.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak ada rancangan membina sebuah hospital baru di Kuala Kangsar. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan menggantikan bahagian Hospital Wanita yang terletak lebihkurang satu batu dari hospital ini dengan sebuah blok wad 4 tingkat tambahan yang akan dibina berhampiran dengan Hospital Daerah Kuala Kangsar. Projek ini akan dimulakan pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab keadaan hospital itu terlampau daif di Bandar Di Raja Negeri Perak dan kesukaran-kesukaran memang berlaku kepada rakyat yang lebih kurang 50,000 orang di tempat tersebut, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana akan menambah blok empat tingkat berhampiran dengan hospital lelaki.

Tetapi saya mahu menekankan di sini bahawa Yang Berhormat Menteri diharap dapat membangunkan secepat mungkin, tidak usah lewat sehingga 10 tahun, jika boleh selewat-lewatnya lagi setahun. Terima kasih.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Akan diambil perhatian.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad:** Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah Kementerian ini bercadang menambahkan hospital-hospital seumpama itu iaitu khas untuk perempuan dan khas untuk lelaki sahaja sebagaimana yang dibuat pada masa-masa yang lepas ataupun pada masa-masa yang akan datang, tidak lagi akan dikhaskan melainkan diasingkan tempat sahaja. Jadi, saya mahu tahu rancangan Kementerian pada masa yang akan datang, adakah hospital-hospital yang akan didirikan dalam Malaysia ini akan diasingkan di antara lelaki dan perempuan sebagaimana yang dibuat Kuala Kangsar itu ataupun sebaliknya.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, di mana yang perlu Kementerian Kesihatan akan membina hospital khas untuk wanita.

## KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SPM/MCE

**15. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bolehkah pihak Kementerian berikhtiar supaya keputusan SPM/MCE dikeluarkan dengan lebih cepat; dan
- (b) tidakkah boleh mempercepatkan proses memilih penuntut-penuntut yang akan memasuki ke Tingkatan Enam dengan agak segera, kerana pada tiap-tiap tahun penuntut-penuntut ini mendapat tawaran ke Tingkatan Enam pada bulan Julai iaitu pada Penggal Kedua Persekolahan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Keputusan Peperiksaan SPM/MCE tidak dapat diumumkan lebih awal daripada bulan Mac seperti yang sedia dilakukan memandangkan jumlah calon yang mengambalnya kian meningkat tahun demi tahun dan ini menyebabkan

kian bertambahnya kerja-kerja yang terlibat dalam memproseskan keputusan keseluruhannya.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan penuntut-penuntut memasuki Tingkatan Enam Rendah adalah dibuat sebaik sahaja keputusan SPM/MCE diumumkan dan proses pemilihan itu diselesaikan dalam tempoh dua minggu sahaja. Penuntut-penuntut yang terpilih dikehendaki melapurkan diri di sekolah tingkatan enam di mana masing-masing ditempatkan pada awal penggal dua persekolahan iaitu pertengahan bulan April dan bukan bulan Julai sebagaimana yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

### **ROMBONGAN PELABURAN KE SEBERANG LAUT**

**16. Tuan Choo Ching Hwa:** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan rombongan menarik penanaman modal luar yang telah dijalankan oleh ahli-ahli Kabinet dan badan-badan Persekutuan, seperti FIDA, ke seberang laut pada tahun-tahun 1976, 1977 sehingga Februari, 1978;
- (b) sila nyatakan Ketua-ketua rombongan-rombongan ini, negara-negara yang telah dilawati dan lamanya tiap-tiap lawatan; dan
- (c) apakah hasil-hasil dari lawatan rombongan-rombongan tersebut di atas. Apakah hasil-hasil ini dari segi jangkaan penanaman modal yang telahpun direla ditanamkan. Apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian berkenaan untuk menggalakkan lebih banyak penanaman modal swasta tempatan dan setakat ini apakah hasilnya.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) dari tahun 1976 hingga bulan Februari, 1978 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menghantar 5 rombongan pelaburan ke seberang laut, iaitu 2 dalam tahun 1976 dan 3 dalam tahun 1977.

- (b) kedua-dua rombongan yang dihantar pada tahun 1976, iaitu yang pertama ke Paris dan London, dari 3hb hingga 14hb September, 1976 dan yang kedua ke Canada dan Amerika Syarikat dari 8hb hingga 30hb Oktober, 1976 telah diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian sendiri. Bagi rombongan pada tahun 1977 pula, rombongan Projek Tertentu ke Australia dari 14hb hingga 28hb Mei, 1977 telah diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Rombongan Pelaburan ke Eropah yang melawat Zurich, dan Frankfurt dari 1hb hingga 8hb Oktober, 1977 telah diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan telah mengetuai Rombongan Pelaburan ke Hong Kong dari 8hb hingga 10hb November, 1977.

- (c) hasil-hasil yang diperolehi dari rombongan-rombongan ini adalah secara langsung dan tidak langsung, iaitu di samping menggalakkan para pelabur yang menghadiri seminar-seminar yang telah diadakan melabur dan menggesa ahli-ahli bank yang menghadiri mendorong para pelabur melabur di Malaysia, publisiti yang diberikan terhadap rombongan-rombongan ini telah menarik perhatian para pelabur kepada Malaysia. Dari segi hasil kuantitatif, semenjak rombongan-rombongan ini, 24 projek-projek dengan modal ikuiti \$22.2 juta dari United Kingdom dan Perancis, 17 projek-projek dengan modal ikuiti \$16.4 juta dari Amerika Syarikat, 5 projek-projek dengan modal ikuiti \$5.2 juta dari Jerman Barat, 11 projek-projek dengan modal ikuiti \$4.4 juta dari Australia dan 6 projek-projek dengan modal ikuiti dari Hong Kong telah diluluskan.

Di samping itu, sejumlah kira-kira 139 pertanyaan-pertanyaan telah diterima dari negara-negara ini untuk mengkaji peluang-peluang pelaburan yang terdapat di Malaysia.

Beralih kepada pertanyaan berkenaan dengan usaha menggalakkan pelaburan tempatan, langkah-langkah penting yang telah

diambil oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) Seminar-seminar pelaburan telah diadakan di Peringkat Negeri dan Wilayah untuk para pelabur tempatan.
- (ii) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan telah menubuhkan 7 Pejabat-pejabat wilayah dengan tujuan untuk menghubungi para pelabur tempatan dan menggalakkan mereka menceburi dalam bidang perkilangan.
- (iii) Kajian-kajian projek dan kajian-kajian feasibiliti telah dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dengan tujuan untuk membantu para pelabur Malaysia mengesan projek-projek yang viable.
- (iv) Mengadakan dialog-dialog dengan sektor-sektor swasta bukan sahaja melalui mesyuarat-mesyuarat dengan berbagai-bagai Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian, Persekutuan Pelikang-pekilang Malaysia dan lain-lain lagi.
- (v) Brosyer-brosyer dan bahan-bahan bacaan mengenai pelaburan disebarkan kepada para pelabur tempatan.

Usaha-usaha yang dijalankan ini telah berjaya menggalakkan para pelabur tempatan melabur modal dalam masa dua tahun yang lalu di mana lebih daripada 50% projek-projek yang diluluskan dimiliki dengan sepenuhnya oleh warganegara Malaysia dan lebih daripada 30% adalah perusahaan-perusahaan usahasama yang sebahagian besar ikuitinya dimiliki oleh warganegara Malaysia.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya kita mempunyai banyak pesuruhjaya-pesuruhjaya perdagangan di seluruh dunia. Bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah perbezaan di antara pesuruhjaya-pesuruhjaya perdagangan kita dengan hubungan menarik modal asing. Apakah perbezaan tanggungjawab dan usaha-usaha yang dibuat di antara dua badan ini?

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, rombongan perdagangan ialah untuk menggalakkan eksport barang-barang buatan di negara kita dan rombongan pelaburan ialah untuk menarik pelabur-pelabur melabur di sini.

## KES-KES ROGOL

**17. Datuk Syed Hassan Aidid** minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan iaitu memandang kepada kes-kes rogol yang menjadi-jadi sekarang ini tidakkah beliau bercadang mencegah kejadian-kejadian rogol dengan mengadakan hukuman-hukuman yang lebih berat lagi.

**Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang didapati bersalah kerana merogol boleh dikenakan hukuman penjara selama 20 tahun dan didenda dan mahkamah boleh mengenakan hukum sebat tetapi setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji undang-undang mengenai rogol ini supaya perogol itu dihukum sebat di hadapan khlayak ramai kerana hukuman yang ada sekarang ini sudahpun dianggap berat dan boleh menjadi pencegah bagi seseorang daripada melakukan kesalahan rogol.

Berzina adalah satu kesalahan jenayah dari segi hukum syarak sahaja dan tidak terdapat peruntukan kesalahan zina di dalam Kanun Kesiksaan atau mana-mana undang-undang lain, hanya Badan Perundangan Negeri sahaja mempunyai bidang kuasa mengenai hukum syarak. Kejadian rogol dan berkhawat tidak banyak berlaku di Malaysia.

Mengenai kes rogol, dalam tahun 1975—22 orang yang bersabit kesalahan oleh Mahkamah; tahun 1976—23 orang; tahun 1977—20 orang; tahun 1978 (hingga 31hb Mac)—tidak ada. Belum ada yang disabitkan oleh mahkamah kerana melakukan jenayah berkhawat.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab kes rogol ini kalau dikenakan hukuman berat, setinggi-tinggi hukumannya ialah 20 tahun jel, adakah Yang Berhormat Menteri Undang-undang memikirkan rogol ini terbitnya daripada nafsu, laki-laki memandang kepada kecantikan perempuan. Adakah Kerajaan atau Yang Berhormat Menteri

bercadang melagang satu undang-undang supaya tidak ada baju yang tiga-suku terbuka atau kebudayaan ikat baju setengah pinggang menampakkan pusat, maka kita adakan satu peraturan undang-undang bahawa pakaian seperti itu haram di Malaysia ini dengan tujuan menjauhkan pemakaiannya. Adakah bercadang dibuat begitu?

**Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa seseorang itu merogol bukan kerana kecantikan seseorang perempuan atau gadis. Ini adalah perbuatan orang yang saya rasa dipengaruhi oleh perasaan emosi yang meluap-luap dan tidak membezakan antara buruk dan cantik (*Ketawa*). Rasa saya tidaklah perlu Kerajaan bercadang mengadakan undang-undang sebagaimana yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal-jawab telah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).*

#### JAWATANKUASA RUNDINGAN PERUNDANGAN ASIA-AFRIKA

**18. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

- (a) setakat mana dapat diterima oleh jawatankuasa rundingan perundangan Asia-Afrika atas rumusan bagi mengujudkan sistem pemerintahan yang saksama bagi kawasan dasar laut antarabangsa;
- (b) negara maju yang mana mempunyai kuasa mengeksploitasikan kawasan dasar laut yang dalam dan apa usaha negara-negara yang membangun menyelesaikan masalah ini.

**Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:**

- (a) Soalan pertama menyebut berkenaan "jawatankuasa rundingan perundangan Asia-Afrika". Apa yang dimaksudkan dalam soalan itu, barangkali, ialah, Jawatankuasa Perundingan Undang-undang Asia-Afrika ataupun "the

Asian-African Legal Consultative Committee", yang mesyuarat tahunan-nya telahpun saya hadiri di Doha, Qatar, dalam bulan Januari lepas.

Negeri-negeri yang menjadi ahli dalam Jawatankuasa ini, yang hampir kesemuanya terdiri dari negeri-negeri yang sedang membangun, berkehendakan supaya satu badan antarabangsa ditubuhkan, yang mempunyai kuasa-kuasa tertentu untuk mengawas dan mengawal pengeksploitasian dasar laut antarabangsa. Sebagai negeri-negeri lain yang sedang membangun, negeri-negeri tersebut, termasuk Malaysia, tiada mempunyai modal dan teknologi untuk menjalankan kerja-kerja untuk mengeksploitasi kawasan tersebut dengan cara bersendirian. Oleh yang demikian, jika kerja-kerja mengeksploitasian ini tidak terkawal, maka negeri-negeri yang maju sahajalah yang akan mendapat faedah dari hasil-hasil dasar laut antarabangsa itu, oleh kerana negeri-negeri yang maju ini ada mempunyai modal yang banyak dan juga teknologi untuk menjalankan kerja-kerja tersebut.

Pada masa ini, wakil-wakil di Persidangan Undang-undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu masih lagi membincangkan masalah ini dengan tujuan untuk mencapai persetujuan bagi mengadakan satu sistem pengeksploitasian yang adil dan yang memberi faedah kepada semua manusia, dan bukan kepada pihak yang tertentu sahaja.

- (b) Tidak ada sebuah negeri pun yang telah diberi kuasa untuk mengeksploitasikan kawasan tersebut sebelum sesuatu persetujuan tercapai di Persidangan Undang-undang Laut yang sedang berjalan sekarang ini.

#### UNDANG-UNDANG MORAL

**19. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

- (a) samada beliau bercadang mengemukakan undang-undang moral dan akhlak berasaskan ajaran Islam untuk mengatasi kejatuhan moral dan akhlak belia-belia kita dan jika ya, bila; dan

(b) jika tidak, samada Kementerian beliau bersedia menerima satu rang undang-undang yang akan digubal oleh pakar-pakar dalam Undang-undang Islam bagi dikemukakan ke Parlimen oleh Kementerian beliau.

**Datuk Sri Haji Hamzah bin Datuk Haji Abu Samah:**

(a) Undang-undang moral dan akhlak yang berasaskan ajaran Islam hanya boleh diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri oleh kerana mengikut Perlembagaan hanya Badan Perundangan Negeri sahaja yang mempunyai bidang kuasa untuk meluluskan satu undang-undang yang berasaskan Hukum

Syarak. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk mengemukakan undang-undang seumpama itu dalam Parlimen oleh kerana Parlimen tidak mempunyai kuasa untuk meluluskannya.

(b) Sekiranya ada pakar-pakar dalam undang-undang Islam yang ingin mengubal undang-undang moral dan akhlak berasaskan ajaran Islam adalah dinasihatkan cadangan tersebut dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk diluluskan dalam mesyuarat Badan Perundangan Negeri. Undang-undang itu tidaklah perlu dikemukakan ke Kementerian saya oleh kerana saya tidak mempunyai kuasa untuk membentangkannya di Parlimen.

**WARGANEGARA ASING MASUK SECARA HARAM**

**20. Tuan Ali bin Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) bilangan warganegara asing (sebutkan negara masing-masing) yang masuk ke negara ini secara haram dan berapa orang daripada mereka masuk ke negara ini dengan menggunakan paspot palsu; dan

(b) apakah tujuan yang besar mereka masuk ke negara ini iaitu samada melancung, berniaga, menyeludup, mengintip atau lain-lain, iaitu dari semenjak tahun 1974 hingga tahun 1977.

**Tuan Rais Yatim:**

(a) Bilangan warganegara asing yang masuk ke negara ini secara haram dari tahun 1974 hingga 1977 ialah 10,221 orang. Berikut adalah bilangan pemasuk haram mengikut pecahan bangsa:

Tahun	S'pura	India	Lain-lain	Indon.	Jepun	Filipina	Thai	Lain-lain	Jumlah
1974	—	—	—	—	—	—	—	—	5,572
1975	14	13	12	670	—	12	643	27	1,391
1976	30	8	20	1,100	—	43	521	24	1,746
1977	13	2	15	877	—	39	538	28	1,512
Jumlah ...									10,221

Untuk makluman Yang Berhormat tidak ada pemasuk haram ini yang menggunakan paspot palsu.

(b) Tujuan mereka ini masuk ke negara ini ialah untuk mencari pekerjaan dan ada juga untuk tinggal bersama-sama dengan keluarga mereka di negara ini.

## BEKALAN AIR DI MUAR

**21. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bila projek-projek untuk memperbaiki bekalan air dan sistem memasang paip di daerah Muar sebagaimana yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dilaksanakan sepenuhnya bagi faedah beribu-ribu orang penduduk di situ.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Bekalan Air Sg. Muar Baru yang berharga \$27.5 juta sedang dalam peringkat akhir rekabentuk. Tawaran akan dipanggil apabila kerja-kerja ini diselesaikan dan memandangkan projek ini besar, kerja-kerja pembinaan dijangka akan memakan masa lebih kurang dua tahun. Projek ini akan mengeluarkan bekalan sebanyak 8 juta gelen sehari. Di samping projek-projek ini, satu projek kilat bernama "Bekalan Air Kesang" telahpun siap sekarang dan sistem ini dapat membekalkan air sebanyak 1 juta gelen sehari.

## MAS—KELEWATAN PENERBANGAN

**22. Datuk Dr Wee Khoon Hock** minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah beliau sedar kelewatan penerbangan-penerbangan MAS yang kerap kali berlaku dan kadang kala penerbangan-penerbangan ini tidak menurut jadual dan ini menyusahkan penumpang-penumpang. Jika ya, nyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi kelewatan ini.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Saya sedar tentang kelewatan penerbangan-penerbangan MAS yang kerap kali berlaku dan juga tentang penerbangan-penerbangan yang tidak menurut jadual. Keadaan ini berlaku apabila dalam bulan Disember 1977 dan juga bulan Januari 1978 MAS telah ditimpa satu kemalangan besar dan juga dua kemalangan kecil. Kemalangan-kemalangan itu ialah yang pertama berlaku di Bangkok pada 1hb Disember 1977 apabila sebuah lori minyak kapalterbang telah melanggar kapalterbang

B 737 kepunyaan MAS dan kapalterbang itu terpaksa dibaiki selama tiga minggu. Yang kedua, sebuah kapalterbang MAS B 737 telah jatuh terhempas di Tanjong Kupang, Johor pada 4hb Disember 1977, dan yang ketiga, sebuah kapalterbang jenis B 737 juga telah terlanjar di landasan kapalterbang Miri pada 24hb Januari 1978. Oleh kerana kemalangan-kemalangan tersebut, jadual penerbangan MAS terpaksa ditukar dan disebabkan jadual itu perlu ditukar dengan sertamerta, maka MAS tidak dapat mencetak jadual waktu yang baru. Sungguhpun begitu, perubahan-perubahan jadual itu telah disebarkan melalui akhbar-akhbar dan radio.

Walaupun tiga buah kapalterbang jenis B 737 itu tidak dapat digunakan, pihak MAS cuba dengan sedaya-upayanya mengurangkan pertukaran jadual penerbangannya supaya dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan. Beberapa langkah telah di ambil, antaranya ialah setakat mana yang boleh, kapalterbang jenis F 27 dan B 707 telah digunakan bagi menggantikan penerbangan-penerbangan kapalterbang jenis B 737. Bagaimanapun, pihak MAS tidak berupaya menukarkan penerbangan-penerbangan itu dengan sepenuhnya. Oleh kerana perkhidmatan MAS dalam negeri ialah perkhidmatan penerbangan pendek (short sectors), adalah sukar untuk memastikan bahawa tiap-tiap penerbangan itu tidak lewat daripada masa yang dijadualkan "Consequential delays" memang berlaku dari masa kesemasa. Oleh kerana kemalangan-kemalangan seperti yang tersebut di atas, MAS juga terpaksa membatalkan sebahagian daripada penerbangan-penerbangan yang dijadualkan.

Mulai dari bulan April 1978, semua jadual perkhidmatan MAS telah pulih semula sebagaimana yang diadakan sebelumnya. Ini dapat dilaksanakan oleh kerana pihak MAS telah menangguhkan penjualan sebuah kapalterbang jenis B 707 nya untuk menggantikan perkhidmatan kapal terbang B 737 yang jatuh di Tanjong Kupang sebelum sebuah kapalterbang B 737 yang baru diperolehi dalam bulan April 1979. Adalah diharapkan bahawa dengan pemulihan semula jadual penerbangan itu, kelewatan dan penukaran jadual penerbangan MAS dapat dikurangkan untuk memberi kesenangan kepada penumpang-penumpang.

## PENGELUARAN ASAP KENDERAAN

**23. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) adakah Kementeriannya akan meneruskan rancangannya menghadkan pengeluaran asap kenderaan dan mengenakan denda ke atas pelanggar-pelanggar perintah yang tersebut; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa menurut penyelidikan yang dibuat oleh sebuah kumpulan penyelidikan yang bebas yang berpusat di Washington, Amerika selama 10 tahun bahawa asap daripada kenderaan-kenderaan hanya mengotor-kan udara sebanyak empat peratus (4%) sahaja, tetapi asap dan berbagai-bagai kekotoran daripada kilang-kilang pusat-pusat pengeluaran bermacam-macam barang-barang adalah lebih jauh lebih banyak dan lebih merbahaya kepada kesihatan orangramai baik di bandar-bandar maupun di desa-desa.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:**

- (a) Ya,
- (b) Kementerian saya tidak sedar berkenaan dengan penyelidikan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa asap dan gas-gas lepasan proses-proses perindustrian boleh menjadi lebih merbahaya kepada kesihatan umum.

## PERUNTUKAN KEPADA KAMPUNG BARU

**24. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan adakah beliau sedar terdapatnya perasaan tidak puas hati orang-orang kampung apabila beliau melawat kampung-kampung baru untuk membahagikan peruntukan yang besar untuk digunakan bagi faedah penduduk-penduduk kampung baharu. Jika ya, adakah beliau bercadang hendak membahagikan juga peruntukan yang dihaskan kepada kampung-kampung baru itu kepada kampung-kampung yang tidak ditakrifkan sebagai kampung baru.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato Haji Ramli bin Omar):** Untuk makluman Yang Berhormat sebelum pertukaran nama Kementerian saya dari Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru kepada Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, perancangan dan aktiviti Kementerian saya memang terhad kepada kampung-kampung baru sahaja. Walau bagaimanapun, dengan pertukaran nama itu dalam tahun 1976, aktiviti dan bidang tugas Kementerian saya telah diperluaskan dengan meliputi kampung-kampung tradisional di persekitaran kampung-kampung baru. Dengan demikian Kementerian saya telah juga memberi peruntukan kepada kampung-kampung tradisional sebanyak \$1.1 juta bagi 159 buah kampung pada tahun 1976 dan \$1.6 juta bagi 176 kampung dalam tahun 1977.

Kementerian saya akan terus memberikan peruntukan untuk melaksanakan projek-projek kecil di kampung-kampung tradisional supaya penduduk-penduduknya dapat bersama-sama menikmati faedah daripada rancangan pembangunan Kerajaan.

## INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN

**25. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan setakat ini berapakah bilangan institusi-institusi latihan teknik dan vokesyenal yang telah didirikan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk melatih pekerja-pekerja mahir dari kawasan-kawasan luar bandar.

**Tuan K. Pathmanaban:** Pada masa ini, di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat terdapat 2 buah Institut Latihan Perindustrian, satu di Kuala Lumpur dan satu lagi di Prai, bagi melatih pekerja-pekerja mahir dalam berbagai ketukangan dengan tujuan memberi kemahiran dan mencerahkan peluang pekerjaan. Semenjak tertubuhnya Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur (pada 1964) dan Institut Latihan Perindustrian Prai (pada 1973) seramai 11,217 orang telah menjalani latihan dalam berbagai sekim latihan dan jenis ketukangan yang terdapat di institut-institut tersebut (vakni setakat akhir tahun 1977).

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya belum lagi mendirikan/menubuhkan institusi-institusi latihan teknik dan vokesyenal yang baru. Walau bagaimanapun, 3 buah Institut Latihan Perindustrian baru adalah dirancangan dan akan didirikan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, iaitu di Kuala Trengganu, Johor Bahru dan Labuan, Sabah bagi melatih lebih ramai pekerja-pekerja mahir, terutamanya mereka yang datang dari kawasan-kawasan luar bandar. Di samping itu juga, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini, Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur dan Institut Latihan Perindustrian Prai yang ada sekarang akan diperbesarkan untuk menambahkan lagi jumlah pengambilan pelatih. Pada masa ini Institut-institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur dan Prai dapat mengambil 850 pelatih pada satu-satu masa. Dengan tertubuhnya 3 Institut Latihan Perindustrian yang baru serta pembesaran kepada Institut-institut Latihan Perindustrian yang ada sekarang jumlah pengambilan pelatih pada satu-satu masa akan bertambah daripada 850 kepada 2,930 pelatih.

### KES ROGOL

**26. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan, memandangkan bahawa Kerajaan telah menambah lagi hukuman-hukuman yang diperuntukkan di bawah setengah-setengah Akta seperti memiliki senjata secara haram, mengedar dan memiliki dadah dan lain-lain kesalahan, adakah hukuman bagi kes-kes rogol yang kian meningkat akan ditambahkan lagi. Adakah Kerajaan ber-cadang hendak mengenakan hukuman mati ke atas mereka yang didapati bersalah kerana merogol.

**Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:** Mengikut perangkaan dalam tahun 1975 seramai 22 orang telah didapati bersalah dan dihukum kerana melakukan kesalahan rogol; dalam tahun 1976 seramai 23 orang; dalam tahun 1977 seramai 20 orang; dan sehingga 31hb Mac, 1978 belum lagi ada mereka yang didapati bersalah dan dihukum oleh kerana melakukan rogol. Dari perangkaan-perangkaan tersebut tidaklah boleh dikatakan bahawa kes-kes rogol kian meningkat dari tahun ke tahun. Bilangan mereka yang telah disabitkan kerana melakukan kesalahan rogol tidak bertambah.

Pada masa ini seseorang yang didapati salah kerana melakukan kesalahan merogol boleh dihukum penjara selama 20 tahun dan boleh dikenakan hukum denda. Mahkamah boleh juga menjatuhkan hukuman sebat. Hukuman yang tersebut itu adalah didapati berat dan memadai untuk mencegah seseorang daripada melakukan kesalahan merogol. Oleh yang demikian Kerajaan tidak mempunyai tujuan untuk meminda undang-undang bagi memberatkan lagi hukuman yang dikenakan terhadap seseorang yang didapati salah kerana melakukan kesalahan merogol. Kerajaan juga tidak mempunyai cadangan untuk mengenakan hukuman mati terhadap seseorang yang didapati salah kerana melakukan kesalahan rogol.

### HOSPITAL UNIVERSITI

**27. Tuan Michael Wong Kuan Lee** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa di Hospital Universiti, pesakit-pesakit dengan urusjanji tetap (fixed appointment) yang dibuat terlebih dahulu selalu terpaksa menunggu beberapa jam, kadang-kadang sehari suntuk barulah mereka dapat menjumpai doktor-doktor; dan
- (b) jika Menteri itu sedar, menyatakan sebab-sebabnya dan tindakan-tindakan yang akan diambil supaya membetulkan keadaan itu.

### Datuk Chan Siang Sun:

- (a) Pada umumnya di Hospital Universiti semua pesakit dengan urusjanji tetap mendapat layanan pada hari dan masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun terdapat kes-kes yang tidak dapat diperiksa pada masa yang ditetapkan itu oleh berbagai-bagai sebab, seperti perkhidmatan doktor yang bertugas dikehendaki dengan serta merta untuk urusan yang mustahak seperti di wad ataupun di Dewan Pembedahan. Oleh kerana doktor itu mungkin memerlukan masa yang lebih daripada yang dijangkakan, berdasarkan kerumitan penyakit atau latar belakang pesakit yang dirawatnya, maka adalah sukar untuk menetapkan waktu yang tepat untuk urusjanji.
- (b) Pihak Hospital sentiasa dengan sedaya upaya mencari jalan untuk memperbaiki perkhidmatannya kepada pesakit-pesakit.

## MARDEC—KERUGIAN DIALAMI

**28. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa jumlah kerugian sejak 6 tahun yang dialami oleh MARDEC (Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia) dan apa puncanya yang menyebabkan kerugian ini dan apa usaha yang telah dibuat bagi mengatasi supaya kejadian ini tidak berterusan.

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Soalan ini telah saya jawab dengan panjang lebar pada 20-4-1978 oleh kerana kedua-dua soalan tersebut lebih kurang sama.

## NASRUL HAQ

**29. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) samada beliau bersetuju bahawa ajaran dan amalan Nasrul Haq tidak bertentangan dengan ajaran dan kepercayaan Islam dan tidak mengamalkan sihir sebagaimana yang telah didakwa oleh setengah pihak;

(b) samada beliau bersetuju bahawa kekuatan anggota Nasrul Haq ini adalah ditakuti oleh pertubuhan-pertubuhan anti-Islam seperti Freemason, Zionist dan kominis dan dengan itu Nasrul Haq hendaklah dihancurkan supaya kekuatan umat Islam boleh dipatahkan; dan

(c) jika ya, samada Kementerian bersedia memberi jalan kepada ketiga-tiga pertubuhan anti-Islam yang tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa):** Untuk menjelaskan soalan Ahli Yang Berhormat bahawa Persidangan Ketua-ketua Jabatan Ugama Islam Negeri-negeri yang bersidang pada 11hb April, 1978 bersamaan 3hb Jamadil Awal 1398 telah menerima dan mengkaji laporan Jawatankuasa Khas yang dilantik oleh Persidangan Ketua-ketua Jabatan Ugama Islam Negeri-negeri Malaysia yang bersidang pada 5hb November, 1977 bersamaan 23hb Zulka'edah, 1397 mendapati bahawa ajaran Nasrul Haq adalah bukan daripada ajaran Islam.

Bagi menjelaskan soalan (a), perkara ini adalah di bawah urusan Jabatan Halehwal Ugama Islam Negeri-negeri.

Bagi menjawab soalan (b) pula, dalam siasatan yang telah dijalankan, didapati tiada sebarang bukti yang dapat menunjukkan bahawa pertubuhan-pertubuhan lain seperti Freemason, zionist atau kominis telah cuba menimbulkan issue ini bagi tujuan menyekat aktiviti serta menghancurkan organisasi Nasrul Haq.

Mengenai soalan (c), *soalan ini adalah umum dan perkara ini tidaklah berbangkit.*

## NASRUL HAQ

**30. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang mengadakan perbincangan antara Ulama' Islam dan Nasrul Haq, yang mana Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjadi khalifahnyanya, untuk menyelesaikan perselisihan faham mereka dari segi pandangan Islam.

**Dato Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Mengenai masaalah Nasrul Haq itu sememangnya perbincangan telahpun diadakan di antara Jawatankuasa Khas yang mengandungi 'alim ulama' dengan pemimpin-pemimpin Nasrul Haq. Hasil perbincangan itu seperti Ahli Yang Berhormat ketahui telahpun dilaporkan kepada Ketua-ketua Jabatan Ugama Negeri-negeri yang bersidang pada 11hb April, 1978, di Dewan Pusat Islam, Kuala Lumpur.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang shukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keempat.” (24hb April, 1978).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Oleh kerana Yang Berhormat telah mengambil masa lebih kurang 13 minit pada hari semalam, sila ringkaskan ucapan.

3.35 ptg.

**Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas peluang yang telah diberi kerana menyambungkan ucapan saya semalam yang mana semalam saya telah sentuh hal-hal di dalam negeri saya sendiri dan seterusnya saya sentuh sedikit berkenaan dengan kejadian-kejadian daripada Keretapi Tanah Melayu kita khususnya berkenaan kegelinciran dan pelanggaran yang berlaku baru-baru ini pada 20hb April, 1978.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan kejadian ini kita tahu enjin keretapi kita sendiri tidak boleh dipakai langsung yang mana menelan kerugian sebanyak \$1.7 juta, tidak termasuk gerabak-gerabaknya dan perjalanan-perjalanan tergendala, berjuta-juta ringgit lagi rugi. Kejadian-kejadian yang sebegini memanglah boleh berlaku di negara-negara asing juga tetapi setakat yang saya mendapat faham bahawa kejadian yang berlaku ke atas Keretapi Tanah Melayu kita yang berlanggar baru-baru ini adalah atas kejadian pengkhianatan yang dilakukan samada dari dalam ataupun dari luar. Hanya kita berharap Keretapi Tanah Melayu dan Kerajaan kita akan mengesan di dalam masalah-masalah ini supaya tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang dan mengambil tindakan dan hukuman yang berat kepada mereka yang melakukan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu keadaan Keretapi Tanah Melayu ini baru-baru ini banyak berlaku semenjak perubahan-perubahan daripada Pengurus Besar kita yang mana pada masa dahulu kita hanya mendengar kerugian-kerugian di atas perjalanan keretapi tetapi sekarang ini setelah usaha-usaha yang dibuat oleh Pengurus Besar Keretapi ini maka timbul pula masalah-masalah pengkhianatan yang dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu untuk melemahkan daya usaha oleh Pengurus Besar yang baru ini. Kita berharap Pengurus Besar yang baru, Datuk Ishak Tadin tidak akan melemahkan usaha-usaha beliau untuk mencari jalan mendapat keuntungan dalam perjalanan Keretapi Tanah Melayu ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengucapkan terima kasih yang mana satu keretapi mel, iaitu Ekspres Rakyat yang berjalan daripada Butterworth ke Singapura dan Singapura ke Butterworth telahpun berjalan dan kita dapati perjalanan ini adalah sangat baik dan menjadi kesan baik kepada rakyat yang menaiki keretapi tetapi kita percaya dengan satu dua perkara lagi kalau dapat diatasi maka keadaan keretapi Ekspres Rakyat ini akan dapat lebih menguntungkan dan banyak lagi orang ramai yang suka menaiki keretapi ini. Perkaranya ialah bersangkutan dengan masa-masa yang tertentu yang akan sampai di satu-satu tempat. Keretapi Mel Rakyat ini kita tahu perhentianya tidak berapa banyak stesyen dan cepat sampai di satu-satu tempat, tetapi malangnya masa-masa itu tidak begitu ditetapkan. Kita tidak tahu apa sebabnya, boleh dikatakan kadang-kadang disebabkan keadaan-keadaan yang berlaku yang tidak dapat dilakkan tetapi kalau selalu berlaku tentulah ada kesilapan-kesilapan yang berlaku kepada perjalanan keretapi itu sendiri. Dalam masalah ini patutlah diawasi, kita percaya dengan cara yang sebegini tentulah banyak lagi orang yang suka menaiki keretapi dan keselamatannya yang lebih daripada kenderaan-kenderaan lain.

Tuan Yang di-Pertua, keretapi ini juga kita tahu dan saya perhatikan kadang-kadang berjalan dari pukul 8.30 pagi daripada Butterworth ke Singapura maka di situ memakan masa, terutamanya bagi kita orang-orang Islam iaitu masa-masa sembahyang seperti masa Zohor, Asyar dan Maghrib kita ada di atas keretapi itu dan kadang-kadang

terdapat juga orang-orang yang mengambil berat di dalam soal ugama ini mereka pergi ke belakang gerabak, tempat guard, bentang tikar di situ dan bersembahyang. Kita berharap kepada Keretapi Tanah Melayu ini supaya dapat mengadakan satu tempat yang boleh dimasuki oleh dua atau tiga orang untuk bersembahyang di masa-masa yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam iaitu kita mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini yang mana baru-baru ini telah mengisytiharkan pengeluaran lesen-lesen teksi di lapan buah negeri di Semenanjung Malaysia ini sebanyak 1,339 iaitu di Pahang 271, Selangor 398, Negeri Sembilan 146, Melaka 39, Johor 199, Trengganu 86, Pulau Pinang 142 dan Perlis 48. Ini boleh dikatakan satu kajian yang banyak juga dikeluarkan teksi-teksi ini. Walaupun begitu, saya rasa ada lagi yang patut dikeluarkan dan diambil pertimbangan dalam soal ini kerana kita tahu peredaran masa sekarang ini banyak jalan-jalan baru yang telah dibina di tiap-tiap buah negeri dan rungutan-rungutan rakyat di kampung-kampung dan di luar bandar banyak lagi dirungutkan bahawa di kawasan-kawasan mereka belum ada kenderaan-kenderaan yang sampai. Maka dengan keadaan mengadakan bas-bas ini tentulah susah sedikit tetapi dengan adanya teksi ini kalau ditambahkan lagi tentulah menjadi kemudahan kepada rakyat di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah temuduga untuk pemberian teksi ini juga kita berharap akan dapat diawasi dengan lebih baik yang mana masa dahulu kita melebihi pemberian-pemberian dan keutamaan-keutamaan ini kepada pasukan-pasukan keselamatan, tetapi kita dapati pada hari ini banyak juga rakyat kita yang di luar-luar bandar yang bekerja sebagai pemandu teksi seperti yang mana tidak berhenti-henti sehingga 8-10 tahun tetapi tidak mempunyai kenderaan teksi sendiri dan susah mendapat lesen-lesen. Perkara ini juga patut diambil perhatian yang mana pemandu-pemandu yang mempunyai lesen 10 tahun ke atas patut diutamakan juga, sebagaimana bekas-bekas perajurit yang telah diutamakan oleh Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kalau kita bercakap dalam Kementerian ini dan kita dapati keadaan kedudukan kesebokan yang berlaku di ibukota kita Kuala Lumpur, semakin hari semakin menjadi-jadi kenderaan-kenderaannya. Perkara ini patutlah pihak Kementerian ini mencari jalan bagai mana hendak mengatasi masalah ini kerana kita dapati di roundabout di hadapan Bank Negara sekarang sudah ada lampu, tetapi kesebokan masih juga berlaku, sehingga hari ini kalau kita lalu, kadang-kadang berjam-jam di roundabout di Jalan Pekeliling sehingga kereta tidak boleh berjalan. Kalau kita menaikki teksi terpaksa ditinggalkan di tepi jalan itu sahaja kerana teksi tidak mahu pergi ke jalan itu lagi kerana tersangkut di situ. Kita tidak tahu dalam masalah ini bagaimanakah pakar-pakar atau orang-orang yang membuat keadaan perjalanan lalulintas ini dan kita harap dan kita percaya di dalam negara kita juga ada orang-orang yang bijak pandai untuk mencari jalan dalam masalah ini.

Bahkan bangunan-bangunan mencakar langit yang kita dapati ada di bandaraya Kuala Lumpur ini semakin menjadi-jadi, inipun salah satu daripada sebabnya, maka kita berharap supaya bangunan-bangunan ini akan diedarkan berjauhan sedikit daripada ibukota Kuala Lumpur ini, mudah-mudahan lalulintas ini akan dapat diatasi.

Selain dari itu, berkenaan kenderaan-kenderaan pada hari ini boleh dikatakan penduduk atau rakyat di negara kita ini telah makmur, boleh dikatakan orang yang berpendapatan \$200-\$300 telah banyak yang telah mempunyai kenderaan-kenderaan sendiri. Dengan kerana itu kesebokan ini berlaku dan kita dapati di Kuala Lumpur pada tiap-tiap buah rumah yang ada 6-7 orang atau 10 orang maka kesemuanya itu ada mempunyai kenderaan. Dengan ini patutlah Kerajaan mencari jalan bagaimanakah orang yang akan masuk ke dalam bandar Kuala Lumpur ini supaya tidak kesemuanya membawa kenderaan. Maknanya kita kenakar cukai-cukai yang lebih pada kenderaan-kenderaan ataupun kepada orang-orang yang kenderaannya dinaiki oleh seorang sahaja dan kita minta supaya tiap-tiap kenderaan itu dapat diduduki sepenuh tempat duduknya tidaklah seorang sahaja memandu kereta itu sahaja. Dengan cara yang seperti itu barang kali salah satu jalan yang dapat diatasi dar

19hb April, yang lalu. Jika mereka ini tidak berdisiplin bagaimanakah kita dapat diharapkan supaya mereka itu mendisiplinkan rakyat di dalam negara ini? Perkara yang seumpama ini patutlah diambil tindakan oleh Kementerian berkenaan supaya pasukan keselamatan itu sentiasa berdisiplin dari satu masa ke satu masa.

Selain daripada itu, Kerajaan janganlah pula lupa untuk memberikan perhatian kepada kehidupan dan kebajikan bekas-bekas pasukan keselamatan di tanah air kita ini. Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini juga saya mengambil peluang merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan keselamatan yang telah berjaya menggempur pengganas-pengganas di Betong baru-baru ini. Semangat keperwiraan yang ditunjukkan oleh mereka itu patutlah disanjung oleh rakyat negara ini yang ingin melihat negara aman dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah menempatkan UPP (Unit Pencegah Penyeludupan) di kawasan sempadan negara ini adalah sangat baik tetapi untuk menjadikan pasukan itu sebagai satu pasukan yang berkesan, sebagai satu pasukan pencegah penyeludupan yang sebenarnya, maka janganlah ditempatkan satu pasukan itu terlalu lama lebih daripada 6 bulan di satu-satu stesyen dan pasukan itu perlu dipecahkan unit-unitnya daripada satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya memperkenalkan konsep perkecualian ASEAN bukan sahaja kepada negara-negara Jepun, New Zealand dan Australia, tetapi kepada seluruh dunia, khususnya blok bebas iaitu barat dan komunis. Walau bagaimanapun, Kerajaan hendaklah sentiasa berwaspada sejauh mana konsep itu dapat diterima dan tidak disalah-tafsirkan oleh negara-negara gergasi itu terutamanya Amerika, Russia dan Komunis China terhadap ASEAN hanya untuk kepentingan mereka sahaja. Di dalam menegaskan konsep bekecuali ini Kerajaan perlulah mengambil perhatian yang serius supaya berjinak-jinak dengan negara tetangga kita iaitu Kerajaan Brunei. Saya tidak hendak bercakap lebih daripada itu tetapi saya menyokong penuh apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak bin Husain pada 19hb April lalu di Dewan ini. Kerajaan hendaklah terus membawa usul kemerdekaan Brunei di Majlis Perhimpunan Agung

Bangsa-bangsa Bersatu supaya menyedarkan kepada British yang menjadi penjajah di dalam negara yang berkenaan. Walaupun pada masa yang telah lalu usul itu telah disokong oleh lebih daripada 100 buah negara tetapi British masih berdegil dan mengekalkan penjajahannya. Dari semenjak tahun 1962, ada seramai lebih kurang 2,342 orang rakyat negeri Brunei yang telah ditahan di dalam kem tahanan oleh pihak penjajah British, dan menindas perjuangan menuntut kemerdekaan dari rakyatnya. Ini perlu mendapat sokongan daripada Kerajaan Malaysia sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran khususnya kepada Yang Berhormat Datuk Musa Hitam yang telah mempercepatkan mengeluarkan keputusan peperiksaan SPM/MCE tahun 1977 dan membolehkan penuntut-penuntut belajar ke Tingkatan VI dengan lebih segera pada tahun ini. Memandangkan kepada keputusan MCE/SPM yang lalu bahawa jelaslah didapati bahawa sekolah-sekolah yang berasrama penuh ataupun sekolah dalam bandar telah mendapat keputusan yang lebih baik kerana sekolah-sekolah ini mempunyai kemudahan dan alat-alat yang cukup. Untuk memperbaiki mutu pelajaran terutama di luar bandar, maka Kerajaan hendaklah menyediakan lebih banyak lagi sekolah berasrama dan sekolah yang lengkap dengan alat-perkakas yang sempurna, serta berasrama untuk memberi kesempatan kepada anak-anak di luar bandar belajar dengan lebih mencapai kejayaan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkembangan kemajuan dan pembangunan negara yang begitu pesat terutama di dalam bidang sains dan teknologi dan perindustrian, maka Kerajaan perlu membanyakkan lagi maktab vokesyenal dan teknik atau lain-lain seumpamanya di seluruh tanahair kita bagi menyediakan tenaga pembangunan bagi anak-anak muda kita supaya sesuai dengan perkembangan kemajuan pembangunan negara di dalam jangka masa 10-20 tahun yang akan datang. Di dalam sebuah negara yang maju walau apapun yang dirancang oleh Kerajaan untuk rakyat luar bandar tetapi didapati akan banyak penduduk-penduduk terutama kaum belia akan berhijrah ke bandar sebagaimana yang berlaku di Amerika, Jepun dan juga Great Britain hanya tinggal di antara 15-20 peratus sahaja

yang akan menyambung kerja-kerja pertanian dan sebagainya di kampung-kampung dan luar bandar. Jika ini berlaku di negara-negara yang maju, kita percaya akan sampai juga ke negara kita ini. Maka dengan sebab itu persediaan perlulah dibuat dari sekarang, jangan sudah terhantuk baru menengadah atau sudah terbulus baru hendak melantai dan akibatnya sangatlah buruk yang akan meningkatkan kepada kebolehan orang-orang bandar dan luar bandar berbeza-beza dan jika ini berlaku lagi kita akan dikutuk oleh jenerasi muda yang akan datang terutama penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sesudah didapati satu perkembangan pembangunan negara yang begitu pesat maka negara hendaklah menyediakan rakyatnya sesuai dengan pertumbuhan tersebut, supaya tidak menjadi pincang. Kerajaan perlulah mengkaji segala sistem dan sukatan pelajaran di sekolah-sekolah apabila penuntut-penuntut itu lulus dalam Tingkatan V bukan sahaja kelulusan akademik kertas yang mereka perolehi tetapi mempunyai kebolehan, kemahiran kerja dengan ini mudah kepada mereka mendapat sekurang-kurangnya sebagai pekerja yang separuh mahir yang dapat menampung kehendak-kehendak negara pada waktu itu dan tidak menjadi penganggur yang mempunyai kelulusan-kelulusan kertas putih sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menuju ke matlamat ini, saya mengesyorkan supaya Kementerian Pelajaran menetapkan tiap-tiap penuntut dalam Tingkatan I hingga V diwajibkan mengambil semua matapelajaran dengan tidak ada matapelajaran-matapelajaran pilihan lagi. Kerana dengan sistem sekarang ada penuntut-penuntut yang lulus SPM pangkat kedua tetapi tidak termasuk matapelajaran yang terpenting umpamanya hisab atau sains. Ini tidaklah boleh mendapat pekerjaan. Ini tidak boleh disalahkan kepada penuntut-penuntut yang berkenaan, kerana sistem pelajaran memberi pilihan demikian, akhirnya merugikan kerana perlaksanaannya tidak mengikut kehendak dan keperluan negara pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengesyorkan hanya 7 jenis matapelajaran patut diajar bagi Tingkatan-tingkatan tersebut iaitu Bahasa: Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Sains (semua sekali), Hisab (semua sekali), Kerohanian dan Tata negara; ugama dan sivik. Ilmu perdagangan (semua bahagian). Sains Sosial; ilmu alam, tawarikh dan

sastera. Vokesyenal: sains rumah tangga, pertukangan, pertanian dan sebagainya. Bagi mengujikan kebolehan, peperiksaan akhir hendaklah diadakan pada tahun kelima dengan dua cara iaitu pertama, mengadakan peperiksaan kecergasan otak (I.Q. dan aptitude exam) dan yang kedua peperiksaan tiap-tiap matapelajaran seperti yang tersebut tadi. Penuntut-penuntut yang lulus dengan 70% ke atas di dalam peperiksaan kecergasan otak dan semak kelulusan matapelajaran yang terbaik terus diberi tempat di universiti-universiti. Manakala penuntut-penuntut yang kurang daripada 70% mereka hendaklah dimasukkan ke maktab-maktab berkenaan berpandukan kepada keputusan tiap-tiap matapelajaran yang didapatinya. Dengan berbuat demikian maka negara kita akan menyediakan tenaga dari jenerasi muda sesuai dengan pertumbuhan perkembangan negara seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha hendak meninggikan kesihatan rakyat terutama sekali di luar-luar bandar Kerajaan bukan sahaja patut menyediakan pusat-pusat kesihatan dan klinik desa tetapi Kerajaan perlu mengadakan beberapa buah hospital besar yang lengkap dengan alat-alat moden dan pakar-pakarnya seperti Hospital Universiti di beberapa zon di negara ini umpamanya Zon Utara, Timur, Tengah, Selatan dan Sabah serta Sarawak. Dengan adanya ini dapatlah Kerajaan memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih sempurna terutama kepada rakyat yang tinggal di pedalaman dan di luar-luar bandar yang jahil pada masa ini sangat-sangat memerlukan rawatan dan nasihat daripada pakar-pakar perubatan. Memandangkan kepada perkembangan penyakit jantung yang kian bertambah meragut beribu-ribu rakyat di dalam setahun di negara ini maka Kerajaan patutlah tambahkan lagi Yunit Khas Pesakit Jantung di hospital-hospital daerah untuk memberi pertolongan rawatan segera kepada pesakit-pesakit yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini adalah negara pertanian, hampir 70% daripada penduduknya terlingkong di dalam sektor pertanian dan lebih daripada separuh petani-petani adalah golongan miskin khasnya penanam-penanam padi di bahagian utara negara ini. Penanam-penanam padi ini adalah rakyat di negara ini yang sentiasa menabur budi kepada keseluruhan negara dengan menyediakan makanan yang penting untuk rakyat tetapi mereka sendiri adalah diibaratkan sebagai sumbu pelita menerangi yang

lain membakar diri sendiri. Mereka masih miskin, masih menjadi penyewa tanah, masih ada orang tengah yang mencari peluang menghisap darah petani-petani ini. Kita tidak dapat menafikan kemiskinan seperti ini sepertimana kita tidak dapat nafikan juga bahawa Kerajaan telah banyak membelanja untuk membaiki taraf hidup penanam-penanam padi dengan mengadakan Rancangan MUDA, KEMUBU dan sebagainya, kerana ada beberapa faktor yang tertentu yang perlu dikaji dan dibaiki.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru yang mempunyai tujuan serampang dua mata maka bagi membaiki kemiskinan penanam-penanam padi ini, saya mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Lembaga Tabung Penanam-penanam Padi, ahli-ahlinya hendaklah terdiri daripada pakar-pakar ekonomi luar bandar. Tujuan tabung ini ialah masa jangka panjang Kerajaan mengadakan satu cara subsidi yang boleh mengumpul modal penanam-penanam padi ini dengan cara yang tidak dibebankan kepada mereka. Katalah, sekarang harga padi \$30 sepikul, penanam-penanam padi jual padi kepada LPN atau pemborong-pemborong yang berlesen selain daripada dibayar \$30, mereka hendaklah diberi resip jualan. Resip ini hendaklah didaftarkan oleh penanam-penanam padi tadi dengan lembaga tabung ataupun LPN atau wakilnya dan Kerajaan memberi subsidi berapa ringgit pada sepikul. Umpama \$3, \$5, \$2 dan sebagainya pada padi-padi yang mereka itu jual tetapi wang tidak diserahkan kepada penanam-penanam padi yang berkenaan, hanya namanya direkodkan sebagai pemegang-pemegang saham. Wang subsidi ini disimpan oleh lembaga tabung yang berkenaan seperti simpanan EPF dan lembaga ini bolehlah melaburkan dalam mana-mana rancangan yang dijamin oleh Kerajaan. Dengan demikian sahaja baharulah penanam-penanam padi kerdil ini dapat menyimpan modal sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru dan wang ini bolehlah dikeluarkan kelak dengan syarat-syarat yang tertentu atas kepentingan pelajaran dan lain-lain yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di luar bandar berterima kasih kepada Kementerian Pertanian yang telah menubuhkan Lembaga Pertubuhan Peladang selepas Persatuan Peladang, kemudian pula Koperasi Peladang dan ejen-ejen pertanian yang lain seperti NAFAS umpamanya iaitu dengan tujuan

asalnya hendak menolong petani-petani terutama di luar-luar bandar tetapi mengikut pengetahuan saya hasilnya hingga hari ini meragukan petani itu sendiri. Sebab itu kita dapati lebih daripada separuh petani-petani tidak masuk mana-mana badan tersebut. Hal seperti ini perlu dikaji semula di mana sebab yang menjadikan demikian. Sebagai satu contoh Koperasi Peladang umpamanya, Lembaga Pengarahnya telah dilantik oleh ahli-ahli dan sebahagiannya pula adalah dilantik oleh Kementerian yang berkenaan. Saya tunjuk satu contoh, satu daripada Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Kerajaan daripada bulan Disember sampai sekarang belum ada lagi dihantar namanya. Bila ditanya apa sebab, kononnya kerana hendak menyasiat latarbelakang lembaga yang berkenaan. Pada hakikatnya Koperasi Peladang ini pentadbiran dan pengurusannya adalah dijalankan oleh pegawai-pegawai yang dilantik oleh LPP. Kebanyakan ahli-ahli Lembaga Pengarahnya boleh saya sebutkan sebagai menjadi rubber stamp sahaja. Ada setengah-setengah Pengurus Koperasi Peladang tidak langsung merundingkan sesuatu dengan Lembaga Pengarah yang dilantik oleh ahli-ahli sedangkan modal saham adalah dimiliki oleh ahli-ahli Koperasi Peladang.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tolong ringkaskan sahaja.

**Tuan Ali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pihak LPP belum lagi bersedia hendak melatih ahli-ahli Koperasi Peladang supaya menjadi pentadbir koperasinya sendiri. Dengan demikian saya harap pada masa akan datang LPP hendaklah mengadakan latihan-latihan dan kursus-kursus yang tersebut.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sila ringkaskan, kerana Ahli Yang Berhormat sudah bercakap hampir 25 minit.

**Tuan Ali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak sebutkan lagi ialah berkenaan dengan cukai jualan yang selalu dikenakan di hotel-hotel dan di mana-mana juga yang pada pandangan saya tidak begitu kemas. Umpamanya, ada satu resip macam ini (resip itu ditunjukkan). Bila seorang makan di kedai yang berkenaan ia diberi resip, tetapi resip ini tidak ada cop Perbendaharaan sepertimana yang dibuat kepada tiket-tiket hiburan. Jadi, dengan jalan

ini kedai-kedai yang berkenaan boleh melarikan cukai. Maka dengan sebab itu patut diadakan pengawasan yang berkesan.

Selain daripada itu, ada satu lagi silap mata yang dimainkan terutama sekali di hotel-hotel besar. Pada penghujung minggu hotel-hotel yang besar ini mengadakan satu majlis umpamanya tari-menari, nyanyian dan sebagainya. Dalam Majlis itu tidak diambil tiket masuk, kalau diambil tiket masuk ia kena cukai hiburan (entertainment tax) tetapi pelawat-pelawat yang masuk minum dengan bersuka-suka diberikan hiburan. Apabila mereka ini masuk ke dalam, selepas minum dikenakan cover charge. Cover charge ini yang saya dapat tahu daripada \$3 sampai \$12. Sebenarnya cover charge ini ialah pada malam hiburan yang berkenaan sahaja tetapi pada malam-malam yang lain tidak dikenakan cover charge. Di sini cubalah kita perhatikan bagaimana penyelewengan cukai yang telah dilarikan oleh pihak yang berkenaan ini. Umpamanya, kalau kita misalkan \$3, cukai hiburannya 75 sen tetapi dengan mengenakan service tax hanya 15 sen sahaja. Ini bermakna 60 sen telah dilarikan pada satu orang pada tiap-tiap satu malam pada tiap-tiap \$3. Kalau \$12 maknanya \$2.40. Ini berlaku pada tiap-tiap malam sekurang-kurangnya daripada 100 orang kepada 300 orang di dalam majlis di hotel-hotel seperti itu. Oleh itu, saya harap ianya dapat perhatian daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya bagi pihak rakyat yang membayar cukai pendapatan iaitu mereka yang makan gaji merayu kepada Kerajaan supaya menyemak dan mengkaji semula kadar yang dikenakan kepada cukai pendapatan, kerana kadar yang ada sekarang berkuatkuasa pada masa barang-barang dan perbelanjaan hidup tidak melambung tinggi seperti sekarang.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh kesedaran menyokong usul Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin yang telah meraffakkan sembah takzim dan mengucapkan berbilang-banyak syukur serta menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda di pembukaan Penggal Keempat Parlimen Keempat pada 20hb Mac, 1978.

4.13 ptg.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyampaikan penghargaan saya kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat mereka mengenai tugas-tugas dan kegiatan-kegiatan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian semasa membahaskan ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Sebagai penjelasan, sukalah saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik kepada konsep Yang Berhormat Senator Kam Woon Wah yang telah mengumpamakan orang-orang Melayu dan orang-orang China sebagai "Siamese twins". Pada pendapat saya perbandingan ini sangatlah tepat sekali tetapi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Seri Hussein bin Mohd. Nordin di mana terdapat perbezaan di antara kedua-dua kucing tersebut. Yang satu terlalu gemok, yang satu lagi terlalu kurus.

Seperti juga di negara kita terdapat perbezaan di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain dan untuk mengurangkan perbezaan tersebut maka pihak Kerajaan telah melancarkan Rancangan Dasar Ekonomi Baru. Malangnya masih terdapat beberapa Ahli Yang Berhormat yang masih belum memahami tujuan sebenarnya Dasar tersebut. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dasar Ekonomi Baru mempunyai dua matlamat yang penting iaitu:

- (i) membasmi kemiskinan tidak mengira kaum; dan
- (ii) menyusun semula masyarakat supaya dihapuskan pengenalan kaum mengikut kegiatan ekonomi.

Saya berpendapat bahawa matlamat yang pertama iaitu untuk membasmi kemiskinan tidak mengira kaum telahpun diterima oleh semua kaum di negara ini. Tetapi apa yang masih diragui oleh beberapa orang ialah mengenai matlamat kedua iaitu untuk menyusun semula masyarakat supaya dihapuskan pengenalan kaum mengikut kegiatan ekonomi. Bukanlah maksud saya untuk menerangkan di sini mustahaknya

matlamat tersebut tetapi memadamkan sekiranya saya menerangkan bahawa keburukan akan berlaku sekiranya matlamat ini tidak berjaya. Oleh yang demikian, untuk memastikan bahawa satu-satu kaum tidak ketinggalan dari kaum yang telah maju maka pihak Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk mengurangkan perbezaan yang terdapat di antara beberapa kaum di negara ini. Perlulah saya menjelaskan di sini bahawa bukanlah tujuan Kerajaan untuk memaksa ataupun mengarah pihak swasta untuk memperuntukkan 30% daripada kegiatannya kepada kaum Bumiputra. Apa yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan ialah untuk meminta kerjasama sesuatu syarikat swasta yang ingin memperbesarkan perniagaan atau perusahaan mereka untuk memberi peluang kepada kaum Bumiputra untuk mengambil bahagian. Umpamanya, pihak Kerajaan tidak pernah memaksa syarikat-syarikat perniagaan untuk melantik wakil-wakil pengedar Bumiputra sekiranya syarikat-syarikat tersebut telah mempunyai wakil-wakil pengedar mereka sendiri di satu-satu kawasan. Apa yang dilakukan oleh Kerajaan ialah sekiranya sesuatu syarikat itu hendak melantik pengedar-pengedar baru di sesuatu kawasan maka peluang itu hendaklah diberi kepada kaum Bumiputra. Saya harap dengan penjelasan saya ini kaum bukan Bumiputra tidak akan merasa bimbang di atas dasar-dasar yang dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad telah mengesyorkan supaya Kerajaan mengatur satu langkah yang lebih praktikal untuk membantu peniaga-peniaga Bumiputra untuk merebut peluang perniagaan. Dalam perkara ini sukalah saya menjelaskan iaitu peluang-peluang perniagaan telahpun disediakan oleh pihak Kerajaan dan banyak lagi peluang-peluang perniagaan yang telah diwujudkan hasil daripada dasar-dasar pembangunan Kerajaan secara langsung seperti kerja-kerja kontrek, membekalkan barang-barang dan perkhidmatan serta peluang-peluang yang merupakan berbagai "multiplier" hasil daripada projek-projek Kerajaan dan pihak swasta. Di samping itu pihak Kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan untuk membantu peniaga-peniaga Bumiputra dari segi modal, infrastruktur dan latihan.

Kebanyakan peniaga Bumiputra hanya suka memasuki bidang-bidang yang popular ataupun di bidang-bidang yang mempunyai sekatan-sekatan yang tertentu umpamanya "area" dan "product agency atau distributor", yang memerlukan permit-permit atau lesen-lesen sahaja. Tentulah jelas bahawa peluang-peluang perniagaan sedemikian sangatlah terhad. Oleh yang demikian, saya ingin menasihatkan peniaga-peniaga Bumiputra supaya memasuki bidang-bidang perdagangan di mana tidak terdapat naungan sekatan yang saya sebutkan tadi di mana peluang-peluang perniagaan adalah lebih banyak sungguhpun persaingan adalah tidak terhad. Di atas keberanian dan kegigihan, kebolehan bertindak sebagai orang-orang berniaga dan kesanggupan mereka menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan serta syarikat-syarikat swasta, saya percaya bahawa usahawan-usahawan Bumiputra tersebut akan memperolehi kejayaan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Hajjah Fatimah binti Haji Salim supaya Kerajaan membeli saham-saham dari syarikat-syarikat asing supaya saham-saham tersebut boleh dijual kepada pihak Bumiputra kemudiannya, sukalah saya menjelaskan iaitu pada lazimnya Kerajaan tidak membeli saham-saham dari syarikat-syarikat asing tersebut. Apa yang dilakukan oleh pihak Kerajaan ialah untuk menawarkan saham-saham tersebut kepada institusi-institusi Bumiputra dan juga orang-orang perseorangan Bumiputra. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum baru-baru ini Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri telah melancarkan dengan rasminya Yayasan Pelaburan Bumiputra dan Syarikat Permodalan Nasional Berhad yang bertujuan untuk membeli saham-saham daripada syarikat-syarikat yang ingin mengeluarkan saham-saham mereka kepada masyarakat Bumiputra. Kegiatan badan ini akan menentukan harga pasaran saham bumiputra tidak jatuh dan pemegang saham bumiputra dapat menjual balik saham dengan mudah dan harga yang berpatutan. Kegiatan badan ini juga akan menolong pasaran saham biasa, yang mana semua kaum akan memperolehi nikmat.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Seri Hussein bin Mohd. Nordin di mana beliau telah menyeru supaya Kerajaan mengadakan

senarai saham-saham yang dikhaskan untuk Bumiputra, sukaiah saya nyatakan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telahpun mengambil tindakan untuk mengadakan senarai-senarai tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tawaran-tawaran saham-saham yang dikhaskan untuk Bumiputra telahpun diberikan kepada mereka yang telah berdaftar dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk membeli saham-saham tersebut. Oleh yang demikian, saya ingin menasihatkan mana-mana pihak yang berhajat untuk membeli saham-saham tersebut supaya berhubung dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan seberapa segera yang boleh.

Yang Berhormat Senator Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun dan Yang Berhormat Senator V. V. Aboo telah membangkitkan masalah kekurangan minyak diesel dan minyak tanah. Dalam perkara ini sukaiah saya menjelaskan iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa bersedia dan mengambil tindakan terhadap stesyen-stesyen minyak yang membiarkan bekalan minyak di stesyen-stesyen mereka kekeputusan beberapa hari tanpa mengambil apa-apa tindakan untuk menambahkan bekalan. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memang sedar ada kemungkinan stesyen-stesyen minyak yang tidak bertanggungjawab menjualkan bekalan minyak diesel kepada pengilang-pengilang dan dalam perkara ini pegawai-pegawai Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa membuat pemeriksaan ke atas syarikat-syarikat tersebut dan syarat-syarat pelesenan telah dikenakan di mana pengedar-pengedar minyak diesel diwajibkan untuk menyimpan buku-buku setok yang dikemaskinikan dan juga mengenakan syarat iaitu syarikat-syarikat minyak diesel tidak boleh menjual minyak diesel melebihi 20 gelen kepada seseorang pada sesuatu masa. Hasil dari pemeriksaan-pemeriksaan yang telah dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, beberapa tindakan mahkamah telah diambil terhadap pembekal pembekal minyak diesel yang tidak mematuhi syarat-syarat yang telah saya sebutkan tadi.

Mengenai penambahan lesen-lesen stesyen minyak untuk kaum Bumiputra sukaiah saya nyatakan di sini iaitu pada penghujung tahun 1977 terdapat 164 buah stesyen yang dipunyai oleh kaum Bumiputra dan 891

buah stesyen minyak dipunyai oleh bukan Bumiputra. Ini bermakna 15.5% daripada ke semua stesyen minyak bagi ke semua syarikat minyak adalah kepunyaan bumiputra dan saya merasa yakin pada masa yang akan datang bilangan ini akan bertambah.

Mengenai kekurangan minyak tanah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator V. V. Aboo yang sering berlaku di kawasan Temerloh, inginalah saya menyatakan iaitu tindakan telah diambil untuk menambahkan bekalan bukan sahaja di kawasan Temerloh tetapi juga di kawasan-kawasan yang mengalami kesulitan bekalan minyak tanah dengan perlantikan pengedar-pengedar baru dan juga menambahkan bekalan kepada pengedar-pengedar yang sedia ada mengikut keperluan.

Mengenai syor Yang Berhormat Senator Hajjah Fatimah binti Haji Salim supaya kerajaan menubuhkan sebuah "tribunal" kawalan harga, inginalah saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan tidak bercadang untuk berbuat demikian. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum pihak Kerajaan sudahpun mempunyai badan dan jentera pentadbiran yang cukup untuk mengendalikan perkara tersebut. Badan yang saya maksudkan itu ialah Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan yang telahpun ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk memberi nasihat kepada saya mengenai polisi harga. Saya berpendapat bahawa Majlis itu telahpun memainkan peranan yang bermakna dalam memberi nasihat mengenai cara-cara untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul berkaitan dengan harga. Inginalah saya memaklumkan di sini iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah juga menubuhkan Jawatankuasa Kajian Semula Harga bagi mengawal kenaikan harga barang-barang keluaran perusahaan bertaraf perintis. Selain dari itu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga mempunyai Bahagian Penguatkuasa yang menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan harga dan menyelia harga barang-barang keperluan. Perlu juga disebutkan bahawa jika terdapat masalah harga yang rumit dan melibatkan sebilangan besar rakyat atau pengguna, rujukan akan dibuat kepada Kabinet untuk keputusan sewajarnya. Di samping itu harus kita ingat bahawa kenaikan harga barang di Malaysia adalah yang terendah sekali berbanding dengan kebanyakan negara lain.

Mengenai tuduhan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Khalid bin Abdullah mengenai Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Timur Tengah yang telah menjalankan tugas-tugasnya untuk kepentingan negara-negara lain, inginlah saya menyatakan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak sedar tentang berlakunya perkara tersebut dan saya ingin menjemput Ahli Yang Berhormat tersebut untuk memberi butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai tuduhan beliau itu dan sekiranya didapati bahawa tuduhan itu benar, maka tindakan disiplin akan diambil terhadap pegawai tersebut.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai barang-barang yang dipamirkan di Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di London telah lapok dan tidak menarik, perkara ini akan diselidik dan tindakan akan diambil jika benar.

Mengenai teguran Yang Berhormat Senator Dato' Seri Hussein bin Mohd. Nordin yang telah mengesyorkan supaya Kerajaan membina banyak panggung-panggung wayang untuk mengusahakan filem Bumiputra supaya memecahkan monopoli syarikat-syarikat filem lain. Inginlah saya menjelaskan iaitu pihak Kerajaan sedar mengenai perkara itu. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan telah berusaha untuk mengubah keadaan ini dan satu daripadanya ialah untuk membina panggung-panggung wayang baru di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak-pihak Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Perbadanan Pembangunan Bandar telah menyatakan minat mereka untuk mendirikan panggung-panggung wayang "third circuit". Setakat ini Perbadanan Pembangunan Bandar telahpun membina 3 buah panggung wayang yang telahpun siap iaitu 2 di Projek Wang Plaza dan 1 di Sri Lokman sementara 7 lagi sedang dalam pembinaan.

Kesemua Kerajaan Negeri, kecuali negeri Sarawak dan Negeri Sembilan telah menyatakan kemampuan mereka untuk mendirikan panggung-panggung wayang dan mempunyai rancangan masing-masing untuk mendirikan panggung-panggung wayang di negeri masing-masing. Masalah yang akan timbul kemudian bukanlah ada atau tidak ada "third circuit" ataupun panggung-panggung wayang ini tetapi rebutan antara tuannya panggung untuk

mengurus panggungnya sendiri. "Third circuit" ini cuma boleh berjaya jika tayangan gambar diurus oleh sebuah syarikat yang besar yang boleh bersaing dengan syarikat-syarikat yang sedia ada.

Berhubung dengan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional yang diperkatakan Oleh Ahli Yang Berhormat tersebut, sukaiah saya menyatakan iaitu deraf awal undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional telahpun dibentangkan kepada Jumaah Menteri. Setelah dikaji, terdapat beberapa kelemahan dalam deraf undang-undang itu dan Jumaah Menteri telah mengarah supaya satu deraf yang lebih sesuai dan kemas disediakan untuk pertimbangan. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang menyediakan deraf baru dan deraf baru ini akan dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan secepat mungkin.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Datin Hajjah Fatimah binti Haji Salim dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Seri Hussein bin Mohd. Nordin yang telah menyeru Kerajaan supaya mengambil beberapa tindakan untuk menarik lebih ramai pelancang untuk melawat ke negara ini, sukaiah saya menyatakan iaitu tindakan-tindakan telahpun diambil oleh Kerajaan ke arah tersebut.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan kebimbangan mereka terhadap iklim pelaburan di negara ini. Memang tidak dapat dinafikan bahawa jumlah pelaburan telah merosot dalam masa 3 tahun yang lepas. Ini adalah disebabkan oleh kemerosotan ekonomi dunia. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, banyak negara-negara yang biasanya melabur di negara asing sedang menumpukan perhatian kepada pelaburan di dalam negara masing-masing. Walaupun demikian, berbanding dengan negara-negara membangun yang lain yang juga cuba menarik pelaburan, paras pelaburan di Malaysia tidaklah mengecewakan kita. Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan telah diambil untuk menarik lebih ramai para pelabur untuk melabur di negara ini.

Adalah tidak benar seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Senator Dr Lim Keng Yaik iaitu kelembapan pelaburan adalah disebabkan oleh Akta Penyelarasan Perindustrian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1976 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menerima

394 permohonan dan dari jumlah tersebut 183 permohonan adalah untuk perkembangan dan dalam tahun 1977 pula daripada 429 permohonan yang diterima, 150 permohonan adalah untuk perkembangan, iaitu memperbesar perniagaan dan perusahaan yang sedia ada dalam Malaysia. Angka-angka ini menunjukkan iaitu para pelabur mempunyai kepercayaan kepada Akta Penyelarasan Perindustrian dan saya ingin memberi jaminan iaitu pihak Kerajaan tidak akan mengambil apa-apa tindakan untuk menyekat ataupun menghalang perkembangan pelaburan di negara ini.

Yang Berhormat Senator Hajjah Fatimah binti Haji Salim telah juga menanya faedah-faedah yang diperolehi daripada pelaburan asing. Sukalah saya menyatakan iaitu pihak Kerajaan bukan sahaja menggalak para pelabur asing untuk melabur di negara ini tetapi juga menggalak para pelabur tempatan untuk berbuat demikian. Perlulah saya tegas di sini iaitu negara kita akan mendapat beberapa faedah dengan adanya pelaburan dari luar negeri dan faedah-faedah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Kemasukan modal dari luar negeri;
- (ii) Projek-projek perindustrian tersebut akan memberi peluang pekerjaan kepada belia-belia dan beliawanis-beliawanis di negara ini;
- (iii) Projek-projek perindustrian tersebut akan memberi peluang kepada perusahaan-perusahaan kecil ataupun "supporting industries";
- (iv) Projek-projek perindustrian tersebut sekiranya ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju, akan dapat menolong meninggikan taraf kawasan tersebut dan juga penduduk-penduduk di kawasan itu.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang juga menyentuh tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, tetapi saya tidak dapat menjawab secara detail terhadapnya.

4.32 ptg.

**Menteri Undang-undang (Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan semasa

membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong di mana perkara-perkara itu termasuk dalam bidang tanggungjawab saya.

Yang Berhormat Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah telah membangkitkan soal menyiarkan hukuman sebat melalui peti televisyen. Buat masa ini, pihak akhbar melaporkan hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah tetapi tidak meliputi hal sebat sebenarnya. Hukuman sebat adalah dijalankan di penjara dan di bawah penyeliaan pegawai penjara. Cadangan untuk menyiarkan perlaksanaan hukum sebat di televisyen mempunyai akibat yang mungkin baik tetapi akibat yang buruk yang mungkin timbul dari cadangan ini adalah rasa saya lebih berat. Dengan menyiarkan pelaksanaan hukuman sebat ini di televisyen mungkin menimbulkan perasaan gerun dan serek di jiwa mereka yang bertujuan untuk membuat sesuatu kesalahan. Dengan itu mencegah mereka-mereka yang lain daripada melakukan kesalahan-kesalahan yang tersebut. Walau bagaimanapun perlu juga kita kaji dari segi keburukan jika cadangan ini dipraktikkan. Perlu kita ingatkan bahawa tujuan utama sesuatu hukuman itu dijalankan ialah untuk memulih dan memperbaiki akhlak seseorang pesalah yang dihukum itu. Apabila seseorang pesalah itu keluar dari penjara setelah menjalani hukumannya, pesalah itu setelah dipulih akhlaknya dapat diterima oleh masyarakat dan meneruskan hidupnya sehari-hari. Jika seseorang pesalah itu dikenakan hukuman sebat dan tatkala hukuman sebat itu dilaksanakan, pelaksanaan itu disiarkan menerusi televisyen tak dapat tidak keseluruhan rakyat akan menyaksikannya dan perasaan benci terhadap pesalah tersebut akan tersemat di jiwa tiap-tiap rakyat di dalam negara ini. Dengan itu apabila pesalah itu keluar daripada penjara setelah menjalani hukumannya tidak ada kemungkinan langsung baginya meneruskan cara hidup di kalangan masyarakat. Ini akan terus memburukkan keadaan hidup pesalah tersebut hingga terpaksa terus melakukan jenayah sebagai satu cara hidupnya. Akibat ini patut dielakkan. Pada pendapat saya adalah satu akibat yang baik jika dapat kita memulihkan hidup seseorang pesalah dan memperbaiki akhlaknya setelah ia menjalani sesuatu hukuman. Dengan cara itu

dapatlah dielakkan satu masalah sosial mengenai seseorang pesalah itu. Satu kejayaan juga adalah tercapai jika dapat kita menukar perwatakan seseorang penjenayah daripada melakukan jenayah menjadi seorang yang patuh kepada undang-undang.

Sebagaimana yang kita ketahui televisyen adalah dituntun oleh semua golongan rakyat, tidak kira umur. Pada hakikatnya televisyen adalah menjadi kegemaran kanak-kanak. Apa yang dikuatirkan jika pelaksanaan hukuman sebat itu disiarkan di televisyen ini akan merosakkan jiwa kanak-kanak. Sewajarnya sesuatu kekejaman tidak disiarkan melalui televisyen.

Pada pendapat saya setelah menimbang akibat-akibat yang mungkin timbul jika hukuman sebat disiarkan di televisyen, cadangan itu tidaklah rasa saya sesuai untuk dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin dalam ucapannya telah membangkitkan beberapa perkara. Yang Berhormat tersebut telah merayu supaya undang-undang hendaklah dikuatkuasakan dengan tegas. Soal pelaksanaan adalah tanggungjawab Kementerian-kementerian yang berkenaan tetapi bolehlah saya nyatakan di sini bahawa tiap-tiap undang-undang telahpun dilaksanakan dengan tegas tanpa memihak sesuatu golongan yang tertentu. Tugas Kementerian saya ialah menggubal undang-undang yang cadangan dan dasarnya telahpun diputuskan oleh sesuatu Kementerian yang lain. Saya percaya sebelum sesuatu dasar diputuskan Kementerian-kementerian yang berkenaan telahpun mengkaji pelaksanaan dasar tersebut dengan teliti dan puas hati bahawa dasar yang dicadangkan itu boleh dipraktikkan. Hanya setelah sesuatu dasar itu diputuskan oleh sesuatu Kementerian barulah pegawai di Kementerian saya diberi tugas untuk menggubal sesuatu undang-undang mengenai dasar dan perlaksanaan itu. Saya harap ahli Dewan ini memahami hakikat yang sebenarnya bahawa tanggungjawab untuk memastikan bahawa sesuatu undang-undang itu boleh dilaksanakan dan dipraktikkan adalah bergantung banyak kepada kajian yang dibuat oleh Kementerian-kementerian yang lain berkenaan tentang dasar dan pelaksanaan di bawah undang-undang yang dicadangkan itu. Jika kajian mendalam dibuat oleh Kementerian-kementerian dari segi mempraktikkan undang-undang yang telah

digubal itu maka Peguam Negara boleh menggubal undang-undang yang kemas yang boleh dipraktikkan dengan tidak sangat membangkitkan banyak masaalah sebagaimana berlaku baru-baru ini. Saya yakin jika pegawai-pegawai di Kementerian saya diberi penjelasan yang lengkap mengenai sesuatu dasar dan cara-cara dalam mana dasar ini dapat dilaksanakan tidak mungkin berlaku kelemahan di dalam sesuatu undang-undang.

Ada kemungkinannya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tatkala mengatakan bahawa para Menteri dan pegawai-pegawai yang tertentu tidak sewajarnya dikecualikan dari kuatkuasa sesuatu undang-undang, Yang Berhormat itu menyentuh undang-undang berkenaan dengan "tinted glass". Saya ingin menegaskan di sini bahawa para Menteri, para Hakim dan pegawai-pegawai yang tertentu adalah dibolehkan menggunakan kenderaan yang dilengkapkan dengan cermin gelap di bawah satu peruntukan. Pengecualian dalam undang-undang ini adalah oleh kerana keselamatan. Sebagaimana yang kita maklum tatkala menjalankan tugasnya para Menteri, para Hakim dan pegawai-pegawai Kerajaan yang tertentu sentiasa terdedah kepada anasir-anasir jahat dan yang tidak diinginkan yang ingin menimbulkan huru-hara di dalam negara ini. Hakikat ini terbukti dengan pembunuhan kejam yang dilakukan terhadap bekas Ketua Polis Negara dan pegawai-pegawai polis di Negara ini. Dengan membenarkan para Menteri, para Hakim dan pegawai-pegawai yang tertentu menggunakan kenderaan yang dilengkapkan dengan cermin gelap, adalah diharapkan supaya mereka tidak mudah kelihatan oleh anasir-anasir jahat dan yang tidak diinginkan. Dengan cara itu terjaminlah sedikit keselamatan bagi mereka.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin pula mencadangkan supaya dibuat sebuah Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang ditubuhkan. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat sejak beberapa tahun yang lalu satu Bahagian telahpun ditubuhkan di Kementerian saya khusus untuk menyemak semula undang-undang yang ada sekarang ini. Saya berpuas hati Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang di Kementerian saya telahpun menyemak undang-undang negara kita dengan memuaskan. Banyak undang-undang yang telah dikemaskini oleh Pesuruhjaya

tersebut dan sekarang undang-undang lama telahpun dicetak semula dan boleh didapati dengan mudah dari Jabatan Pencetak Kerajaan.

Mungkin Yang Berhormat tersebut mencadangkan supaya Suruhanjaya ditubuhkan untuk menyemak semua undang-undang yang berkuatkuasa di negara ini. Tindakan seumpama itu telahpun dilaksanakan oleh Kerajaan. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat lagi Suruhanjaya yang ditubuhkan untuk mengkaji dan mengemas kini undang-undang mengenai Perkahwinan dan Perceraian. Apabila sesuatu undang-undang itu difikirkan perlu dikaji dengan teliti dan dikemaskini Kerajaan tidak teragak-agak untuk menggunakan khidmat pakar-pakar yang tertentu dalam bidang-bidang tersebut seperti penggubalan Kanun Tanah Negara telah ditugaskan kepada beberapa orang pakar untuk menggubalnya. Juga apabila Kerajaan ingin menggubal undang-undang Syarikat, SOCSO, Perkapalan Saudagar, Insuran dan sebagainya. Pakar-pakar yang tertentu telah ditugaskan untuk melaksanakan tanggungjawab penggubalan itu. Oleh yang demikian, cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan tetapi bukanlah dengan secara umum bahkan untuk mengkaji dan menyemak undang-undang yang tertentu. Bolehlah saya memberi jaminan bahawa sekiranya difikirkan perlu tindakan seumpama ini akan terus dilaksanakan mengenai sesuatu undang-undang yang tertentu.

Yang Berhormat Senator V. Ponnusamy Pillai mengemukakan bahawa hukuman kerana melakukan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang samsu gelap diberatkan lagi. Beliau mencadangkan bahawa hukuman yang dikenakan itu patutlah termasuk sebat.

Di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976, kesalahan-kesalahan membuat atau memperdagangkan samsu gelap atau menyimpan, mengguna atau membenarkan digunakan premises atau bangunan untuk membuat samsu gelap atau memiliki apa-apa alat membuat samsu akan dihukum penjara tak lebih daripada lima tahun dan tak kurang daripada dua tahun dan denda tak lebih daripada dua puluh ribu ringgit. Jika samsu gelap, yang

menjadi hal-perkara sesuatu kesalahan, mengandungi apa-apa bahan berbahaya, maka hukumannya ialah penjara selama tempoh tak lebih daripada sepuluh tahun dan tak kurang daripada empat tahun, denda tak lebih daripada dua puluh ribu ringgit dan sebat tak kurang daripada enam kali. Seksyen 2 Akta itu mentafsirkan "bahan berbahaya" sebagai apa-apa benda—

- (a) yang tidak layak untuk kegunaan manusia; atau
- (b) yang penggunaannya adalah mendatangkan bencana kepada manusia.

sebagaimana yang diperakui oleh seseorang ahli kimia Kerajaan atau seseorang pegawai perubatan Kerajaan". Oleh yang demikian, telahpun ada peruntukan berkenaan dengan sebat tetapi hanya dalam hal di mana samsu gelap mengandungi sesuatu benda berbahaya. Samada sebat patut dikenakan dalam segala hal yang melibatkan samsu gelap adalah satu perkara yang akan diberi ingatan dan, jika diperlukan, undang-undang tertentu akan dipinda untuk mengadakan peruntukan berkenaan dengan hal ini.

Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah Sheikh Hussein hendak tahu mengapa undang-undang ditafsirkan hanya oleh saya sahaja dan tak ditafsirkan juga oleh pakar-pakar dan professor-profesor undang-undang. Fasal (2) Artikel 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa adalah menjadi kewajipan Peguam Negara menasihatkan Yang di-Pertuan Agong atau Jumaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai sesuatu perkara undang-undang. Ini bererti bahawa Peguam Negara adalah diamanahkan. Tat kala menjalankan tugas ini Peguam Negara adalah dibantu oleh pegawai-pegawai undang-undang yang berkhidmat dengan Kerajaan, yang di antara mereka itu adalah pegawai-pegawai yang khususnya layak dan pakar di dalam bidang mereka sendiri. Oleh itu pada amnya tak perlulah badan-badan luar dirunding untuk menasihatkan Kerajaan tetapi apabila keadaan memerlukan, Kerajaan boleh dan telahpun mendapatkan nasihat pakar-pakar daripada badan-badan luar negeri. Pada hakikatnya adalah tanggungjawab Badan Kehakiman untuk memberi tafsiran muktamad mengenai sesuatu undang-undang. Tafsiran yang diberi oleh Peguam Negara tidaklah muktamad dan hanya mengikut pihak Kerajaan sahaja.

Yang Berhormat Senator tersebut juga mencadangkan supaya undang-undang Islam dimasukkan dalam Perlembagaan untuk menjaga akhlak semua kaum di dalam negara ini. Pernah saya jelaskan bahawa undang-undang Islam adalah dibuat oleh sesuatu Badan Perundangan Negeri oleh kerana negeri adalah masih berkuatkuasa dalam perkara agama. Ini adalah tercatat di dalam Perlembagaan sebagai Menteri Undang-undang dan Peguam Negara adalah tanggungjawab saya untuk memastikan bahawa sesuatu undang-undang yang dibuat itu tidak bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan. Jika didapati bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan maka undang-undang itu tidaklah sah ataupun "ultra vires". Sungguh banyak cadangan-cadangan yang dibuat yang berkaitan dengan pelaksanaan hukum Syarak dan telah saya nyatakan bahawa sebelum undang-undang seumpama itu dapat dibuat perlulah kita kaji daripada segi Perlembagaan dan undang-undang yang berkuatkuasa di dalam negara ini. Apabila saya membuat kenyataan yang seumpama itu bukanlah sebenarnya tujuan saya untuk mentafsirkan sesuatu undang-undang tetapi hanya menunjukkan hakikat yang sebenarnya dan tidaklah saya seorang Menteri yang bertanggungjawab jika saya tidak menarik perhatian rakyat terhadap peruntukan Perlembagaan dan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan di negara kita dan tidaklah saya menjalankan tanggungjawab saya dan sewajarnya jika saya membenarkan sesuatu undang-undang itu dibuat terhadap tindakan tersebut adalah bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan dan undang-undang yang berkuatkuasa di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini atas segala cadangan dan syor yang telah dibuat oleh mereka. Cadangan dan syor itu akan diambil ingatan untuk masa depan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 4.48 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.04 petang*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

*Perbahasan disambung semula*

*5.04 ptg.*

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menjawab ulasan-ulasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana di dalam Ucapan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong telahpun menyentuh mengenai perkara di bawah Potfolio Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Terlebih dahulu, saya suka mengucapkan terima kasih di atas perhatian yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai aktiviti-aktiviti Kementerian saya. Saya sukacita memberitahu iaitu cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membina akan saya ambil perhatian dan tindakan-tindakan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab Senator Datuk Dr C. Sinnadurai, saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan akan terus berusaha ke arah menyusun Dasar Kuasa Kebangsaan (National Energy Policy) yang memperkuatkan masa depan negara kita. Dalam kerja ini, Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) boleh juga memainkan peranan yang sewajarnya.

Beralih kepada hujah-hujah Yang Berhormat Senator Oh Siew Aun seperti saya telah menyebut semasa soal jawab pada 20hb April, 1978, terpulanglah kepada pihak yang berkuasa iaitu pihak Kerajaan Negeri Selangor mengambil satu keputusan yang muktamad atas kegiatan kuari-kuari di kawasan Batu Caves. Untuk manfaat Ahli Yang Berhormat itu dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat lain, izinkanlah saya memberi sedikit maklumat sebagai latarbelakang dan perspektif yang menyeluruh.

Saya ingin menjelaskan bahawa masalah pencemaran di Batu Caves sedang dikaji secara keseluruhannya oleh sebuah Jawatankuasa Bersama yang dipengerusikan oleh Wakil Kerajaan Negeri Selangor dan dianggotai oleh Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya dan lain-lain Jabatan yang berkenaan.

Jawatankuasa ini sedang menyiapkan suatu laporan yang mengandungi perakuan-perakuan tertentu bagi mengatasi masalah pencemaran itu untuk pertimbangan Kerajaan Negeri Selangor. Antara lainnya, laporan tersebut akan juga menimbangkan "feasibility" untuk memindahkan kerja-kerja kuari tersebut ke kawasan yang lain. Perkara ini perlu dikaji dengan mendalam sebelum sesuatu keputusan dibuat terutamanya dari segi implikasinya ke atas ekonomi. Pertimbangan-pertimbangan yang sewajarnya perlu mengambil kira ke atas penubuhan kuari-kuari baru di kawasan yang lain, serta kesediaannya dari segi infrastruktur untuk membekalkan batu-batu dengan secukupnya bagi memenuhi keperluan pembinaan jalanraya dan bangunan. Ini adalah satu persoalan yang penting kerana di samping memelihara dan melindungi kualiti alam sekitar, kita juga mesti menjamin seboleh mungkin agar langkah-langkah tersebut tidak menjejaskan kegiatan-kegiatan pembangunan.

Dalam pada itu, Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya tidak beberapa lama lagi akan menguatkuasakan peraturan-peraturan udara bersih, yang antara lainnya bertujuan untuk mengawal punca-punca pencemaran daripada kerja-kerja kuari dan simen. Sungguhpun demikian saya ingin menjelaskan bahawa peraturan ini dengan sendirinya tidak dapat mengatasi atau mencegah sama sekali masalah pencemaran seperti yang wujud di Batu Caves, selain daripada mengurangkan masalah itu.

Masalah pencemaran yang wujud di Batu Caves adalah suatu contoh bila mana kawasan perindustrian ditempatkan bersama dengan kawasan kediaman. Oleh itu, penyelesaian yang lebih efektif kepada masalah seperti ini terletak kepada perancangan yang komprehensif yang mengambil pertimbangan ke atas masalah alam sekitar pada peringkat yang awal. Cara ini bukan sahaja membolehkan kita mengawal

masalah alam sekitar yang mungkin timbul tetapi juga dapat mengelakkan kos kawalan yang banyak. Untuk tujuan ini, Kementerian saya telah mengadakan garis-garis panduan mengenai penempatan kilang-kilang perindustrian dan kawasan kediaman, selain daripada mengadakan suatu sistem untuk menilai kesan-kesan ke atas alam sekitar oleh sesuatu projek pembangunan.

Memandangkan kepada kepentingan untuk mengujudkan pengurusan alam sekitar di peringkat awal perancangan dan perlaksanaan projek, Kementerian saya bersedia membantu agensi-agensi Kerajaan dan juga sektor swasta untuk mengadakan sistem perancangan yang berkesan dari segi alam sekitar.

5.12 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian kepada Kementerian Pertahanan semasa membincangkan Titah Ucapan D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Saya juga meminta maaf kepada Yang Berhormat Senator-senator kerana tidak sempat mengatur lawatan ke unit-unit tentera kali ini bagi membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenali dan mengetahui angkatan tentera khususnya dan Kementerian Pertahanan amnya dengan lebih dekat lagi. Insya Allah, ini akan diatur pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Jeneral Tan Sri Abdul Hamid Bidin di dalam ucapan beliau, antara lain telah mencadangkan supaya operasi-operasi bersama dengan negara jiran patut diadakan supaya pegganas-pegganas komunis tidak boleh bertapak di negara kita ini.

Sukalah saya nyatakan di sini bahawa operasi-operasi bersama ini memang sentiasa dirancang oleh badan yang bertanggungjawab iaitu Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia/Thailand dan juga Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia/Indonesia. Kerjasama dan operasi di bawah rancangan kedua-dua badan ini adalah sentiasa berjalan.

Sungguhpun begitu inginlah saya sebutkan di sini bahawa operasi-operasi besar-besaran hanyalah dilakukan setelah kajian, perancangan serta persediaan dibuat dengan teliti bagi menentukan matlamat (objective), sasaran (target) dan juga kawasan operasi supaya kejayaan maksima dapat dicapai.

Mengenai pembesaran Angkatan Tentera Laut Diraja untuk memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan dan juga telaga-telaga minyak kita yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, adalah dimaklumkan bahawa perkara-perkara ini memang dipertimbangkan oleh Kementerian Pertahanan di dalam perancangan untuk menambah kekuatan TLDM. Walau bagaimanapun perlindungan kepada nelayan-nelayan dan juga kepada harta negara tidaklah mungkin mencapai taraf "absolute". Sehingga ini TLDM memang sudah menambahkan frequency patrolnya di daerah Laut China Selatan dan juga perairan Selat Melaka.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya sekolah-sekolah berasrama bagi anak-anak perajurit ditambah untuk mengurangkan perpindahan sekolah anak-anak perajurit, saya ingin memaklumkan bahawa perkara ini memang disedari oleh Kerajaan dan sehingga ini Kerajaan telah memutuskan untuk membina 4 buah asrama-asrama khas untuk anak-anak anggota-anggota pasukan keselamatan di Ipoh, Johor Bahru, Kuantan dan Alor Star. Setakat ini asrama di Ipoh adalah di awal peringkat pembinaan dan yang lainnya di dalam perancangan. Empat buah asrama ini apabila siap kelak adalah dijangka akan menyelesaikan masalah-masalah persekolahan anak-anak anggota pasukan keselamatan akibat dari perpindahan tempat tugas bapa-bapa mereka, kerana di samping asrama-asrama khas ini, Kerajaan juga telah membina sekolah-sekolah berasrama penuh yang juga terbuka kepada anak-anak anggota pasukan keselamatan yang berkelayakan.

Mengenai kekurangan perumahan yang dialami oleh Angkatan Tentera yang disebutkan oleh Yang Berhormat juga, Kementerian Pertahanan memang menyedari adanya perajurit-perajurit yang terpaksa menyewa rumah-rumah di kawasan-kawasan yang tidak begitu sempurna dan ada kalanya elau-

rumah yang dibayar oleh Kerajaan tidak cukup untuk membolehkan mereka mendapatkan rumah-rumah yang lebih baik atau sempurna di kawasan-kawasan yang baik.

Oleh kerana ini, Kementerian Pertahanan memberikan keutamaan yang tinggi di dalam soal pembinaan dan penyewaan rumah-rumah untuk perajurit ini. Misalnya kekurangan sebanyak 11,800 buah yang ada sekarang akan dapat ditampung di dalam jangka masa Rancangan Malaysia Ketiga (4,100 buah) dan Rancangan Malaysia Keempat (7,700 buah). Dalam pada itu untuk memenuhi keperluan jangka-pendek Kementerian Pertahanan memang ada skim penyewaan berkelompok untuk perajurit-perajurit yang sekarang ini berjumlah sebanyak 1,400 buah.

Tentang elauan perumahan pula, Kementerian saya akan mengkaji perkara ini dari masa kesemasa. Adalah diharapkan bahawa, jika perencanaan pembinaan ini dapat berjalan dengan lancarnya, masalah kekurangan perumahan bagi anggota-anggota tentera akan dapat diatasi.

Tentang masalah ketukangan (trade) Angkatan Tentera yang tidak dapat diiktiraf oleh Kerajaan dan juga swasta pula, saya ingin menerangkan, bahawa sungguhpun ketukangan angkatan tentera adalah luas dan dapat memberikan pengalaman kepada anggota-anggota tentera, ketukangan ini adalah semata-mata untuk keperluan operasi Angkatan Tentera sahaja dan tidak semestinya mencukupi untuk banyak kategori pekerjaan di dalam jabatan-jabatan kerajaan lain dan juga swasta. Oleh itu, usaha-usaha sedang diambil untuk menilai dan mengiktiraf ketukangan atau kemahiran di dalam Angkatan Tentera. Sehingga ini Jawatankuasa Kecil Pengiktirafan National Industrial Training and Trade Certificate Board (NITTCB) (Lembaga Latihan Perusahaan Persijilan Ketukangan Kebangsaan) yang diwakili oleh Ketua Turus Jawatan Anggota telah mengiktiraf 22 jenis ketukangan dan kemahiran Angkatan Tentera. Oleh kerana Angkatan Tentera mempunyai 180 macam ketukangan atau kemahiran, maka masa yang agak panjang sedikit adalah tentu diperlukan untuk menyelesaikan penilaian dan pengiktirafan ini.

swasta ini memberi tawaran harga yang murah dan kadang-kadang tidak laku bertimbun-timbun kelapa sawit daripada pekebun-pekebun kecil yang dapat dijual. Mereka itu menjual secara spekulasi tetapi FELDA mengikut jangka panjang tidak menjual minyak dengan cara spekulasi sebagaimana dilakukan oleh setengah-setengah pengeluaran swasta.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad yang telah mengesyurkan supaya saya mengkaji semula FELCRA, kerana FELCRA dikatakan belum berjaya membuat penyatuan tanah-tanah kecil yang berhampiran dengan kampung-kampung lama yang tidak ada berekonomi lot-lot tanahnya. Oleh itu, pendapatan penduduk-penduduk desa tidak bertambah.

Kementerian saya sememang sedar masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Suka saya mengingatkan kepada Dewan ini bahawa penduduk-penduduk negeri kita ini khususnya Bumiputra kuat berpegang pada adat dan tradisi yang telah lama diamalkan di negara kita. Tujuan Kerajaan hendak menyatukan tanah-tanah yang kecil yang tidak ekonomik amatlah sukar hendak dilaksanakan oleh sebab bukanlah satu perkara yang senang hendak memujuk tuan-tuan tanah itu yang keluasan tanahnya masing-masing tidak sama ada dua ekar, ada empat ekar, ada enam ekar menyerahkan tanah-tanah dan geran tanahnya kepada Kerajaan tambahan pula atas tanah itu sudah ada rumah, pokok durian lima enam batang yang ditanam oleh datuk-neneknya, pokok kelapa yang disayanginya untuk disatukan supaya semua tanah-tanah itu dipulihkan atau ditanam semula oleh Kerajaan. Masalah ini bukan perkara yang senang. Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan bahawa pihak FELCRA sedang menjalankan satu "pilot project" atau Projek Percubaan di Kelantan yang dikenali sebagai Projek Pembangunan In-Situ atau Projek Pembangunan Setempat.

Tujuan projek ini ialah untuk menyatukan tanah-tanah pertanian yang kecil-kecil dan dijadikan satu kawasan tanah pertanian yang ekonomik. Kawasan-kawasan ini telah dipersetujui oleh tuan tanah itu oleh sebab berhampiran di Kampung tersebut ada satu kawasan tanah Kerajaan yang luas yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri Kelantan

supaya dicampurkan dengan tanah-tanah pertanian yang diserahkan oleh petani-petani kampung itu. Oleh yang demikian, kawasan yang akan dibahagikan kepada mereka adalah bertambah luas dan juga diperbagaikan pencarian hidupnya dengan diberi kawasan ragut untuk ternakan kerbau dan lembu dan kawasan menanam padi dan juga kita ada-kam perkampungan perumahan mereka itu dibuat semula dengan cukup kemudahan asas dan lain-lain lagi. Dengan cara ini sahaja yang saya sebutkan tadi barulah tuan-tuan tanah di kawasan itu bersetuju menyerahkan tanah itu kepada FELCRA. Bukan semua kampung-kampung ada tanah Kerajaan sekeliling yang boleh kita buat macam ini dan belanjanyapun amat besar tetapi ini satu projek yang kita cuba dan kalau sekiranya berjalan dengan bagus akan kita jalankan di segenap negara kita. Selain daripada itu FELCRA juga telah diarahkan membuat kajian sosio-ekonomi di kawasan Kemubu di Kelantan. FELCRA mengkaji kemungkinan penyatuan tanah-tanah kepunyaan di Kemubu itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain telah menyebut tentang kekurangan tanah di kampung-kampung baru. Beliau juga telah menyebut bahawa ada Surat-suratan Hakmilik Sementara yang belum didaftarkan dan dikeluarkan.

Kementerian saya juga sedar masalah yang dibangkitkan ini walaupun saya baru masuk empat bulan. Masalah ini telah mula diatasi sejak tahun 1971 lagi. Pihak Kerajaan telah menubuhkan satu Pasukan Petugas berpusat di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan bagi menentukan bahawa surat-suratan hakmilik bagi tanah-tanah di kawasan kampung-kampung baru ini dikeluarkan dengan segera. Pasukan Petugas ini telah menjalankan kerjanya dari tahun 1971 sehingga pertengahan tahun 1976. Hasilnya sehingga sekarang lebih kurang 70% daripada tanah-tanah di kawasan-kawasan Kampung Baru di seluruh Semenanjung telah selesai dan diberikan surat hakmilik. Hanya sebilangan yang kecil sahaja lagi yang masih diduduki secara haram, iaitu tanpa mempunyai apa-apa kebenaran walaupun Lesen Tumpangan Sementara sekalipun. Bagi mereka yang masih menduduki tanah-tanah tersebut secara Lesen Tumpangan, mereka ini telahpun dinasihatkan

oleh pihak-pihak Kerajaan Negeri untuk memohon suratan hakmilik. Setengah-setengahnya enggan, oleh kerana mereka berpendapat bahawa bayaran Lesen Tumpangan Sementara (TOL) adalah jauh lebih rendah dan lebih murah dari yang dikenakan bagi suratan hakmilik.

Di dalam masalah ini saya sukacita jika Yang Berhormat Senator dapat memberitahu saya kawasan-kawasan Kampung Baru yang tertentu yang masih mengalami masalah tersebut supaya tindakan-tindakan yang lebih tegas dapat diuruskan bagi mengatasi masalah ini di tempat-tempat tersebut.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator V. V. Aboo yang telah membangkitkan tiga perkara penting. Pertama ialah mengenai Penyusunan Semula Pentadbiran Tanah. Kedua beliau telah menggesa Kerajaan supaya membuat cara-cara yang baik atau undang-undang bagi mengumumkan projek-projek tanah berkelompok kepada orang ramai. Ketiga beliau telah menggesa Kerajaan supaya melantik Pegawai-pegawai Kanan yang mempunyai cukup pengalaman dalam hal tanah untuk mengendalikan semua projek-projek Kerajaan.

Saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat Senator V. V. Aboo. Kementerian ini sedang giat memperbaiki organisasi pentadbiran tanah pada semua lapisan, Persekutuan, Negeri dan Daerah seperti mengadakan Kursus-kursus latihan bagi Pegawai-pegawai Tanah di INTAN dan juga mengadakan mesyuarat-mesyuarat dan seminar bagi Pesuruhjaya Tanah di Semenanjung ini. Saya sukacita memberitahu bahawa satu Buku Panduan untuk Pegawai-pegawai Tanah akan diedarkan tidak lama lagi kepada semua Pejabat Tanah. Dengan adanya Buku Panduan ini akan memudahkan mereka itu menjalankan pentadbiran tanah dengan lebih cepat daripada masa yang lampau.

Akhirnya, saya bersukacita juga mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana pandangan-pandangan mereka yang berguna kepada Kementerian saya.

5.41 ptg

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang masa perbahasan ke atas Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Yang Mulia ini, beberapa perkara di bawah jagaan Kementerian saya telah dibangkitkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah meminta Kerajaan memastikan supaya pengeluaran getah pada tahun-tahun hadapan tidak merosot kerana banyak ladang-ladang getah ditanam semula dengan kelapa sawit. Adalah dimaklumkan bahawa ladang-ladang yang menanam kelapa sawit berbuat demikian adalah sebagai satu langkah mempelbagaikan tanaman di ladang mereka terutama sekali apabila terdapat harga yang tidak stabil di antara kedua-dua tanaman getah dan kelapa sawit tempoh hari. Oleh itu, usaha mempelbagaikan tanaman akan dapat mengelakkan sesuatu ladang mengalami kerugian yang besar akibat turunnya harga bagi sesuatu hasil tanaman itu. Selain daripada itu, banyak ladang-ladang mendapati bahawa tanah-tanah yang ditanam dengan getah dulunya adalah lebih sesuai ditanam dengan kelapa sawit. Walau bagaimanapun, kemerosotan di ladang-ladang akan diseimbangkan dengan bertambahnya pengeluaran di sektor pekebun kecil.

Yang Berhormat Senator Datuk Ahmad Arshad telah mencadangkan supaya RISDA menyediakan satu Skim Pinjaman untuk membantu pekebun-pekebun kecil yang kekurangan modal untuk menanam getah sesudah mendapat tanah daripada Kerajaan Negeri. Suka saya menjelaskan di sini bahawa pihak RISDA tidak dapat memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil yang tidak menyumbang kepada Kumpulanwang Ses yang mana digunakan untuk membantu pekebun-pekebun kecil untuk menanam semula atau menanam baru getah. Ini adalah kerana RISDA mempunyai peruntukan wang yang terhad dan penglibatan RISDA untuk memberi bantuan kepada pekebun kecil yang tidak menyumbangkan kepada Kumpulanwang Ses getah akan memberi beban yang lebih kepada RISDA. Bagi pekebun-pekebun kecil yang sudah sedia mempunyai kebun getah sendiri iaitu seluas 7 ekar ke bawah sebelum 31hb Disember, 1970 mereka mendapat bantuan maksima sebanyak 5 ekar

daripada RISDA sebagai bantuan tanaman baru. Skim ini adalah bertujuan untuk memperluaskan tanah pekebun kecil yang tidak ekonomik.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Razak Husain pula telah menggesa pihak RISDA dan lain-lain badan yang berkenaan supaya menjaga mutu pengeluaran getah di ladang-ladang dan pekebun-pekebun kecil. Berkenaan dengan perkara ini RISDA telah dan sedang menggalakkan pekebun-pekebun kecil mengeluarkan getah yang bermutu tinggi melalui projek-projek Pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil (PPPK). Pada tahun 1977 sebanyak 1,450 buah PPPK dengan jumlah pekebun kecil seramai 22,719 orang telah mengeluarkan 83,180 pikul getah. Walaupun kebanyakan getah-getah tersebut tidak diasap tetapi pada kebiasaannya apabila telah diasap akan mendapat gred 1, 2 dan 3. Sebagai misalan, PPPK yang berjumlah 15 buah di dalam kawasan Pekan, Pahang pada tahun 1977 telah mengeluarkan getah-getah berasap dan 90% daripada pengeluaran tersebut adalah gred 1 dan bakinya ialah gred 2 dan 3. Pada tahun 1978 sebanyak 301 buah PPPK akan didirikan lagi dan ini bermakna lebih ramai lagi pekebun-pekebun kecil akan mengeluarkan getah yang bermutu tinggi.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Razak bin Husain juga telah mengesyorkan supaya pihak RISDA memberi jaminan agar pengeluaran getah kita tidak merosot. Adalah dimaklumkan di sini bahawa pada awal tahun ini RISDA telahpun melancarkan Dasar Pengeluaran Dinamis yang mana pekebun-pekebun kecil digalakkan untuk menambahkan pengeluaran getah mereka secara maksima. Dasar ini merupakan satu rancangan untuk meninggikan pengeluaran getah pekebun kecil melalui usaha-usaha dan kegiatan yang dinamis, serta memodenkan perusahaan getah dan menyalurkan teknologi terbaharu kepada sektor pekebun-pekebun kecil yang kini berjumlah lebih kurang  $\frac{1}{2}$  juta orang di Semenanjung Malaysia dengan keluasan kebun berjumlah kira-kira 2.28 juta ekar. Pengeluaran getah dari sektor ini ialah 870,000 tan pada tahun 1976, dan tujuan utama dasar ini ialah untuk menaikkan pengeluaran tahunan ini pada kadar 2.5% dalam tahun pertama (1978) ke 15% atau lebih pada tahun 1990.

Rancangan ini melibatkan sebanyak lapan kategori input pengeluaran. Ini termasuk langkah-langkah untuk menggalakkan kebun-kebun getah tua ditanam semula, sistem menoreh getah, pembajaan pokok yang telah tua, memendekkan tempoh muda (immaturity period), menyesuaikan jenis getah dengan alam sekeliling, kegunaan ubat penggalak susu, tambahan keluasan tanah getah dan lain-lain input pengeluaran seperti menambahkan kepadatan tanaman, mengawal rumput-rumpai, penyakit dan serangga, dan mempergiatkan aktiviti dan projek ekonomi dalam kebun kecil. Langkah-langkah pelaksanaan yang perlu diambil tindakan berat termasuk perkhidmatan pengembangan yang berkesan, latihan, pengembelingan tenaga (concerted effort) dan "monitoring" serta penilaian. Untuk menayakan rancangan ini, penyertaan dan penglibatan penuh oleh para pekebun kecil dan kakitangan RISDA adalah amat penting dan segala usaha dan kegiatan untuk input-input pengeluaran yang tertentu hendaklah bersesuaian dengan kehendak dan keadaan sesuatu kawasan. Penyelarasan dan kerjasama dengan badan/ajensi yang berkaitan perlu juga dilaksanakan secara padu serentak (integrated approach) untuk pembangunan sektor pekebun kecil.

Menyentuh cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Ahmad Arshad supaya Lembaga Tembakau Negara mengambil langkah-langkah perlu bagi menentukan penanaman penanam tembakau tidak ditindas oleh pengawit dan pengawit pula tidak ditindas oleh pengilang, saya suka memaklumkan di sini bahawa Lembaga Tembakau Negara memang sentiasa berunding dengan pihak-pihak berkenaan jika terdapat apa-apa aduan atau masalah yang timbul di dalam perusahaan tembakau.

Berhubung dengan kebimbangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad bahawa pengeluaran minyak kelapa sawit akan berlebihan, Kementerian saya sedar bahawa perusahaan minyak kelapa sawit telah berkembang dengan pesat pada tahun-tahun kebelakangan ini. Keadaan ini telah disebabkan di antara lain oleh harga-harga minyak kelapa sawit yang baik serta juga usaha-usaha Kerajaan membuka rancangan-rancangan tanah yang ditanam dengan kelapa sawit sebagai satu langkah bagi mengatasi masalah kemiskinan di antara penduduk-penduduk luar bandar.

Kementerian saya juga sedar bahawa minyak kelapa sawit menghadapi persaingan dari minyak-minyak sayuran yang lain dan faktor ini mungkin boleh menyebabkan harga minyak kelapa sawit dan minyak-minyak sayuran yang lain turun pada masa hadapan. Walau bagaimanapun sukacita saya menyatakan bahawa kos pengeluaran minyak kelapa sawit di negara ini adalah rendah dan ini bermakna minyak kelapa sawit dapat menghadapi persaingan tersebut tanpa menghadapi masalah yang besar. Sungguhpun begitu perkara ini akan dikaji dari semasa ke semasa.

Untuk menjamin lagi kebolehan minyak kelapa sawit menghadapi persaingan di pasaran minyak sayuran. Kementerian saya sentiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi menggalakkan pemasaran bahan ini. Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit yang baru ditubuhkan akan mengawal eksport minyak kelapa sawit dari segi mutu. Usaha juga sedang giat dijalankan untuk menubuhkan sebuah Instituti Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit yang akan mengutamakan penyelidikan dalam kegunaan-kegunaan minyak kelapa sawit. Kejayaan di dalam bidang ini akan pelbagai-kan lagi pasaran minyak kelapa sawit. Langkah-langkah juga diambil untuk menghapuskan sekatan-sekatan di negara-negara yang mengimpot minyak kelapa sawit. Umpamanya di negara-negara EEC, Malaysia telah berjaya mengurangkan tarif impot lain 4% ke 2.5%.

Saya rasa itulah sahaja jawapan yang dapat saya berikan, jika ada perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan dan tidak dapat saya jawabkan di sini, Kementerian saya akan mengambil ingatan.

5.54 ptg.

**Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Michael Chen Wing Sum):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat masing-masing dan telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian saya. Dan saya mengambil kesempatan ini untuk memberi jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan itu seberapa yang boleh.

Di dalam perbahasan kali ini saya perhatikan beberapa perkara berkaitan dengan perumahan dan kemajuan perkampungan telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Lim Keng Yaik telah membangkitkan masalah kekurangan infrastruktur di kampung-kampung baru. Dalam hubungan ini saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa usaha memperluaskan dan memodenkan kampung-kampung baru sedang dilaksanakan secara menyeluruh dan melibatkan kajian mendalam (bagi maksud menyediakan peluang-peluang pendapatan yang bertambah) serta memperbaiki infrastruktur kampung-kampung tersebut. Matlamat meluaskan kampung-kampung baru hendaklah tidak diertikan sebagai meluaskan secara fizikal atau kawasan semata-mata kerana dalam keadaan di mana tanah menjadi halangan untuk proses perluasan, proses tersebut hendaklah diertikan sebagai mengikhtikarkan menambahkan pendapatan dari kawasan-kawasan lain atau dari punca-punca selain daripada tanah yang berdekatan. Punca-punca tersebut telah didapati di beberapa kampung baru (seperti Kepong) iaitu pekerjaan perindustrian dan di kampung-kampung baru yang lain melalui usaha-usaha pertanian.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini bahawa mulai dari tahun 1976 bidang tugas Kementerian saya tidak lagi terhad kepada kampung-kampung baru sahaja tetapi ianya telah diluaskan bagi meliputi juga kampung-kampung tradisional di persekitaran kampung-kampung baru. Semenjak daripada tahun tersebut Kementerian saya telah meluluskan peruntukan untuk projek-projek kecil di 176 kampung-kampung tradisional di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Kementerian saya akan terus memberi bantuan kepada kampung-kampung tersebut untuk melaksanakan projek-projek kecil berdasarkan kepada "felt-needs" penduduk-penduduknya.

Mengenai saranan Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Razak bin Husain supaya penduduk-penduduk kampung-kampung baru yang telah lama tinggal di satu-satu kampung itu diberi hakmilik tanah, saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa masalah ini adalah terpulang kepada budi bicara Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan, oleh kerana tanah adalah di dalam

bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun kebanyakan Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia telah pun memberikan hakmilik tanah kepada penghuni-penghuni di kampung-kampung baru dan tempoh hakmilik yang diberi adalah berbeza-beza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya akan cuba menggesa Kerajaan Negeri supaya penduduk di kampung-kampung baru yang benar-benar memerlukan tanah dan yang telah lama tinggal di satu-satu tempat itu supaya diberi keutamaan untuk mendapatkan hakmilik tanah.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perumahan. Yang Berhormat Senator Yap Peng telah membangkitkan masalah skim pinjaman kepada orang ramai untuk membeli rumah. Berkaitan dengan hal ini, saya ingin menjelaskan bahawa kemudahan kewangan atau pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah telah banyak diadakan. Kebanyakan program pembiayaan pembelian rumah (end-financing) telah diadakan pada masa ini dan institusi yang boleh menolong pembeli-pembeli rumah untuk mendapatkan pinjaman adalah seperti Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB), Bank Negara, MARA, Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan, Bankbank Perniagaan, Syarikat-syarikat Kewangan dan Kementerian saya yang mengendalikan Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah. Di bawah rancangan Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan ini rakyat golongan berpendapatan rendah yang telah mempunyai tapak perumahan diberi peluang untuk meminjam bagi membina rumah mereka sendiri. Walau bagaimanapun disebabkan oleh keadaan yang tidak dapat dielakkan skim pinjaman ini setakat ini, dilaksanakan dahulu di Kuala Trengganu, 10 batu dari kawasan bandar Ipoh, Wilayah Persekutuan dan Selangor, dan terhad kepada skim-skim berikut:

Skim A—untuk mereka yang mempunyai tanah di persekitaran sesuatu estet perindustrian;

Skim B—penduduk kampung-kampung baru dan kampung-kampung tradisional yang ada tanah;

Skim C—pekerja estet dan lombong;

Skim D—setinggalan-setinggalan yang terlibat dalam kawasan projek pembangunan Kerajaan Persekutuan.

Saya sukacita memberitahu ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa projek pertama di bawah skim C yang mengandungi 150 yunit rumah di Kuala Ketil Kedah telah siap dilaksanakan dan projek kedua sejumlah 110 yunit rumah di Ladang Tenamaran, Selangor akan siap dalam sedikit masa lagi. Empat projek baru sedang dirancangan sekarang dan projek-projek di bawah skim ini akan dijalankan dari masa kesemasa. Kakitangan bagi mengendalikan jentera pentadbiran ini di Kementerian amatlah terhad. Oleh sebab itu kerjasama dari Kerajaan Negeri bagi membantu Kementerian melaksanakan skim ini amatlah dikehendaki dan dihargai.

projek ini beroleh kejayaan di kawasan-kawasan implementasi yang dipilih kakitangan pentadbiran di peringkat Ibu Pejabat akan diperbanyakkan dan kawasan implimentasi juga akan diperluaskan. Di samping itu pihak Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak juga telah menjalankan satu rancangan pinjaman kepada penduduk-penduduk luar bandar yang dinamakan Rancangan kepada Orang Perseorangan dan Rancangan Rumah Panjang. Dalam skim ini seorang peminjam yang telah dipilih oleh Jawatankuasa Pemilihan dibenarkan meminjam sebanyak \$7,500 maksima bagi pinjaman perseorangan dan \$2,500 bagi satu pintu rumah panjang. Pinjaman yang diberi kepada peminjam tidak merupakan wang tunai. Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak sendiri bertanggungjawab untuk membeli perkakas atau bahan-bahan dan peminjam-peminjam sendiri mendirikan rumah masing-masing secara gotong-royong. Walau bagaimana pun Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak merolong mereka membina rumah tersebut dengan menyediakan pelan-pelan yang senang diikuti dan telah dipilih oleh peminjam-peminjam sendiri. Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak juga menghantar pegawai-pegawai teknikal untuk mengawasi pembinaan rumah-rumah mereka.

Peruntukan sebanyak \$400 juta telah juga diadakan melalui Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB) bagi membolehkan

perlaksanaan projek-projek perumahan untuk rakyat yang berpendapatan rendah iaitu yang kurang daripada \$500 sebulan dan rancangan ini telah dilaksanakan dengan jayanya semenjak awal tahun 1977. Sehingga sekarang sejumlah 12,000 yunit telah diluluskan dan masih dalam pembinaan. Kebanyakan daripada projek-projek ini dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan dan pemaju-pemaju perumahan swasta. Memandangkan bahawa sudah terdapat banyak institusi yang boleh menolong pembeli-pembeli rumah bagi mendapatkan pinjaman bagi maksud membeli rumah maka buat masa ini Kementerian saya belum lagi mempunyai cadangan untuk mengkaji kemudahan dari segi kewangan seperti mana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin membangkitkan masalah bahawa terdapat banyak pemaju-pemaju perumahan swasta yang mengutip wang tempahan untuk membeli rumah daripada orang ramai sebelum iklan jualan rumah diluluskan oleh pihak Kerajaan. Berhubung dengan perkara ini saya ingin menjelaskan bahawa mengikut Kaedah-kaedah (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan 1970, sesebuah syarikat pemaju perumahan tidak boleh mengutip wang tempahan atau lain-lain bayaran sebelumnya ianya mempunyai lesen yang sah dan permit iklan. Lesen dikeluarkan kepada pemaju perumahan apabila pemaju perumahan itu telah memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1966 dan lain-lain syarat yang dikenakan oleh Kementerian. Di bawah Kaedah-kaedah, ada dinyatakan iaitu untuk mengiklan kemajuan perumahannya ia dikehendaki mendapatkan Permit Iklan terlebih dahulu. Oleh kerana kutipan wang tempahan akan hanya dilakukan selepas kemajuan perumahan diiklankan, perumahan berlesen adalah diwajibkan mendapatkan permit iklan. Bagi menjamin supaya seseorang pemaju perumahan berlesen itu membuat permohonan mendapatkan permit iklan sebelum ia mengutip sebarang wang tempahan, suatu syarat telah juga dikenakan ke atas lesen tersebut yang menyatakan bahawa wang tempahan akan hanya boleh dikutip apabila pemaju perumahan berlesen memiliki permit iklan yang sah bagi kemajuan perumahan. Bagi tujuan ini, pem-

beli-pembeli rumah hendaklah memastikan bahawa pemaju perumahan berlesen itu ada memiliki permit iklan yang sah (yang mana nombor rujukan diberi) sebelum mereka membayar sebarang wang tempahan.

Sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Kaedah-kaedah (iaitu Kaedah 10), jumlah wang tempahan yang boleh dipungut oleh pemaju perumahan berlesen hanyalah sebanyak 2½% daripada harga jualan rumah termasuk tanah tetapi jika dengan perkiraan itu jumlah wang tempahan melebihi \$1,000 maka hanya \$1,000 yang boleh dipungut. Contohnya jika harga rumah tersebut \$20,000 wang tempahannya adalah \$500 (atau 2½% daripada \$20,000) dan jika harga sesebuah rumah itu \$50,000 jumlah maksima wang tempahan yang boleh dipungut hanya \$1,000 juga (dan tidak \$1,250 iaitu 2½% daripada \$50,000). Adalah diingatkan bahawa pemaju perumahan mungkin menggunakan kata-kata lain daripada "wang tempahan" (contohnya 'deposit' atau 'bayaran pertama'), tetapi walau apa juapun istilah yang digunakan untuk memungut wang tempahan itu ia adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam Kaedah 10, seperti yang dinyatakan di atas. Sekiranya pemaju perumahan melanggar peruntukan ini, maka tindakan undang-undang boleh diambil ke atasnya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin supaya Kerajaan mengadakan projek perumahan khas kepada bekas-bekas perajurit, saya ingin menjelaskan bahawa buat masa ini Kementerian saya masih belum mempunyai cadangan untuk mengadakan suatu projek perumahan awam kos rendah dikhaskan kepada bekas perajurit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa rumah-rumah awam kos rendah Kerajaan yang dibina melalui peruntukan pinjaman daripada Kementerian saya adalah khusus ditujukan kepada semua rakyat Malaysia dari golongan yang berpendapatan rendah, dan ini termasuklah bekas-bekas perajurit dan polis, kakitangan Kerajaan yang bergaji kecil, buruh-buruh kasar serta setinggan-setinggan dan orang-orang awam yang lain yang didapati layak untuk menerimanya. Sungguhpun tidak ada peruntukan khas yang diberi kepada bekas-bekas perajurit dan polis, namun ada juga saya dapati beberapa Kerajaan Negeri yang telah mengemukakan mengikut kadar peratus tertentu rumah-rumah

tersebut kepada bekas-bekas perajurit dan polis, tetapi peruntukan ini tidak tetap dan berterusan, malah dihadkan kepada projek-projek tertentu sahaja dan bergantung kepada keadaan keutamaan yang diberi oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator Datuk Raja Nong Chik pula telah membuat cadangan supaya Dewan Bandaraya mendirikan lebih banyak rumah murah terutama rumah-rumah pangsa seperti mana yang dilakukan oleh Kerajaan Singapura. Dalam hubungan ini, saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa pihak Dewan Bandaraya sedang giat berusaha kearah ini dan sebahagian besar daripada projek-projek perumahan awam kos rendah yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya adalah dalam bentuk rumah pangsa. Bagi pihak Kementerian saya pula, di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini sebanyak \$103,100,000 telah diuntukkan untuk Dewan Bandaraya membina sejumlah 13,747 yunit rumah awam kos rendah yang mana ditujukan khas kepada golongan yang berpendapatan rendah. Daripada jumlah peruntukan itu, setakat ini Kementerian saya telah meluluskan pinjaman sebanyak \$79,156,703 bagi Dewan Bandaraya membina sejumlah 6,066 yunit rumah. Setelah separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga berjalan pihak Dewan Bandaraya telah dapat menyiapkan sejumlah 1,942 yunit rumah di lima buah projek di Batu 3½ Jalan Cheras, Jalan Sentul Selatan, Kampung Datuk Keramat, Kompleks Belia Cheras dan projek Sri Selangor.

Di samping itu, 1,976 yunit lagi adalah dalam peringkat pembinaan dan 2,348 yunit lagi adalah diperingkat awal penyediaan pelaksanaan. Juga pihak Dewan Bandaraya telah siap merancang beberapa projek lagi untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini supaya matlamat Kerajaan untuk membina sejumlah 13,747 yunit itu akan dapat dicapai. Kementerian saya akan terus memberi galakan dan bantuan kepada pihak Dewan Bandaraya dalam usahanya mengadakan rumah-rumah awam kos rendah yang mencukupi bagi memenuhi keperluan penduduk-penduduk khususnya dalam golongan berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat ini sahaja sedikit-sebanyak keterangan-keterangan yang dapat saya berikan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli

Yang Berhormat. Saya berharap ulasan-ulasan yang saya berikan itu telah dapat memberi gambaran yang lebih jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Perusahaan Awam (Dato Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Yang Berhormat Menteri atau wakil Kementerian yang berikut telah menjawab kepada hujjah-hujjah yang dikemukakan berkaitan dengan usul menjunjung kasih, iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Awam.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Yang Berhormat Menteri atau wakil Kementerian yang berikut telah menjawab kepada hujjah-hujjah yang dikemukakan berkaitan dengan usul menjunjung kasih, iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Awam.

6.16 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini atas teguran yang menggalak lagi membangun di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Saya telah mengikuti perbahasan itu dengan penuh minat dan telah membuat catatan atas beberapa teguran yang ditujukan kepada Kementerian saya. Teguran-teguran

serta juga cadangan-cadangan yang telah dikemukakan itu akan dipertimbangkan dan mana cadangan-cadangan yang difikirkan sesuai akan dilaksanakan.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah bercakap dengan panjang lebar di Dewan Rakyat pada awal bulan ini mengenai keteguhan ekonomi Malaysia walaupun terdapat suasana keadaan ekonomi dan kewangan antarabangsa yang tidak tetap dan juga merosot. Oleh itu tidaklah perlu bagi saya untuk menghuraikan lagi perkara ini bagi menyahut teguran yang telah dibuat oleh beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai kemajuan ekonomi yang baik yang telah dicapai pada tahun yang lalu. Walaupun begitu ingin saya menyatakan secara ringkas bahawa ekonomi kita telah tumbuh dengan begitu baik pada tahun lepas sebanyak 7% pada kadar sebenar walaupun keadaan ekonomi dan kewangan antarabangsa tidak begitu tetap dan pertumbuhan yang perlahan dalam ekonomi negara-negara utama yang maju. Pertumbuhan ini telah dicapai dalam konteks harga yang stabil yang sangat memuaskan. Kadar inflasi sebagaimana yang dicerminkan oleh Angka-tunjuk Harga Pengguna meningkat hanya dengan Kadar 4.7% dalam tahun 1977, iaitu lebih rendah daripada anggaran belanjawan sebanyak 5%. Jika dibandingkan dengan kadar inflasi di negara-negara perindustrian utama yang pada keseluruhannya telah meningkat sebanyak 8.6% pada tahun yang sama, kita patutlah bersyukur bahawa negara kita telah dapat mengawal kedudukan harga dengan jayanya. Sungguhpun kita telah mencapai kejayaan, langkah-langkah akan terus diambil untuk memperkukuhkan kedudukan ini pada masa hadapan.

Kedudukan belanjawan kita juga terus menjadi kukuh dengan kelebihan akaun semasa dijangka sekarang sebanyak \$500 juta ringgit dalam tahun 1977 berbanding dengan anggaran dahulu sebanyak \$355 juta ringgit. Kejayaan yang besar ini adalah disebabkan oleh prestasi hasil yang lebih baik dan juga pengurusan belanjawan yang lebih rapi.

Bagi tahun 1978 Ekonomi Malaysia dijangka akan mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 7% dari segi sebenar. Jika sekiranya keadaan perlahan pertumbuhan ekonomi dunia berpanjangan kesan yang buruk kepada

prospek ekonomi Malaysia mungkin akan dialami. Kementerian saya telah mengambil kira atas perkembangan ini dan telahpun mengadakan Belanjawan tahun 1978 yang berorientasikan pertumbuhan dengan tujuan, untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi menerusi langkah-langkah belanjawan dan kewangan, memperbaiki agihan pendapatan serta menambahkan peluang-peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan sentiasa mengkaji kedudukan ekonomi dan kewangan ini dengan lebih rapi. Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sekarang ini berada di Eropah menghadiri beberapa mesyuarat antarabangsa dan akan berada di Mexico pada penghujung bulan ini untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Sementara, Tabong Kewangan Antarabangsa (Interim Committee of the International Monetary Fund). Di mesyuarat-mesyuarat ini Yang Berhormat Mulia akan mengadakan perbincangan dengan rakan-rakan sejawatnya dan juga pakar-pakar ekonomi mengenai kedudukan ekonomi dan kewangan yang terbaharu dan prospeknya serta juga issue-issue lain yang berfaedah kepada kita. Kementerian Kewangan akan terus meninjau perkembangan-perkembangan ini dan akan mengulang semula ramalan-ramalan ekonomi dan kewangan yang mana difikirkan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil peluang ini untuk memberi penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Abu Bakar Titingan telah membangkitkan masalah mengenai perbezaan harga barang-barang yang didapati di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah. Dalam perkara ini Kerajaan telah mengambil beberapa langkah pada masa yang lalu dengan tujuan untuk mengurangkan perbezaan harga. Sejauh mana yang berkaitan dengan Kementerian saya langkah telah diambil pada 1hb Julai 1977 untuk mengenakan duti atas barang-barang yang diimpot hanya sekali sahaja, iaitu di tempat pertama ia dibawa masuk dan selepas itu pergerakan barang-barang tersebut di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak tidak lagi dikenakan cukai. Dengan adanya peraturan baru ini barang-barang tertentu yang dahulunya mengandungi unsur cukai dua kali

sekarang dikenakan cukai sekali sahaja. Sungguhpun begitu perbezaan harga yang didapati di Sabah adalah timbul dari faktor pengangkutan yang disebabkan oleh tambahan kos perkapalan dan pengangkutan dalam negeri di Sabah sendiri. Walaupun demikian Kerajaan telah berusaha untuk mengatasi masalah perkapalan dengan mengadakan jadual yang lebih memuaskan untuk mengangkut barang-barang ke Sabah. Oleh itu adalah jelas Kerajaan telah mengambil beberapa langkah demi kepentingan pengguna-pengguna. Walaupun langkah-langkah ini telah diambil oleh Kerajaan adalah penting pihak swasta juga memainkan peranannya untuk menentukan perbezaan harga tidak menjadi begitu besar sehingga menyusahkan rakyat. Oleh itu saya harap pihak swasta dapat mengambil tindakan yang lebih positif dalam perkara ini. Sementara itu peranan pengguna juga patut ditekankan.

Untuk memelihara kedudukan perusahaan bahan-bahan utama yang penting untuk ekonomi negara, Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk menggalakkan perusahaan-perusahaan ini seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya untuk tahun 1978 pada 28hb Oktober, 1977 dahulu. Kementerian saya akan sentiasa mengkaji struktur cukai dan juga galakan-galakan cukai dari masa ke semasa dan jika difikirkan perlu langkah-langkah yang lebih sesuai akan dipertimbangkan bagi kepentingan perusahaan-perusahaan bahan utama di seluruh negara.

Mengenai struktur cukai pendapatan yang mana Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa tidak ada kajian yang dibuat semenjak tahun 1967 berkaitan dengan sara hidup yang tinggi, ingin saya terangkan bahawa berdasarkan kepada beberapa rayuan mengenai kos sara hidup dan juga maklumat-maklumat yang ada Kerajaan telah memberi rebate cukai sebanyak \$60 kepada pembayar-pembayar cukai perseorangan dan sebanyak \$30 kepada isteri-isteri pembayar cukai. Rebate ini adalah diberi kepada semua pembayar cukai.

Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Syed Hassan Aidid telah menyentuh perkara kemerosotan perniagaan di Pulau Pinang akibat penarikan taraf pelabuhan bebas. Kerajaan

sedar bahawa pelanjutan kesemua duti-duti Kastam ke Pulau Pinang pada 19-12-1977 akan menjejaskan perniagaan pekedai-pekedai yang sebelum tarikh itu menjalani perniagaan barang-barang yang masih belum dikenakan duti kastam. Untuk menambah peluang perniagaan Kerajaan telah mengadakan rancangan supaya dibuka kedai-kedai tanpa cukai di Pulau Pinang. Rancangan ini adalah satu rancangan baharu dan oleh itu segala kekurangan yang terdapat dalam perlaksanaannya akan diperbaiki untuk melicinkan perjalanan dan pentadbiran rancangan ini dari masa ke semasa. Kementerian saya sedang mengadakan perundingan dengan ahli-ahli perniagaan yang terlibat dalam rancangan ini dan diharap dari perundingan ini akan muncul satu penyelesaian yang memuaskan untuk kedua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja penjelasan yang hendak saya berikan mengenai teguran yang dikemukakan kepada Kementerian saya. Sebagaimana yang dinyatakan di awal ucapan saya sangatlah berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran yang membangun di atas Kementerian saya dalam perbincangan di Dewan ini. Kementerian saya akan sentiasa mengawasi kedudukan ekonomi dan kewangan negara dengan tujuan kita akan dapat menggubal dasar-dasar ekonomi dan kewangan yang lebih baik untuk menentukan ekonomi kita menjadi teguh dan dapat mencapai matlamat-matlamat negara.

6.27 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Kementerian Pertanian di sepanjang perbincangan ini. Setiap pandangan itu adalah diteliti di dalam usaha hendak mencapai matlamat-matlamat pembangunan negara. Kementerian Pertanian adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan yang cukup bagi negara ini dan mengeksportnya di mana yang boleh, sambil meninggikan taraf kehidupan petani-petani dan nelayan-nelayan. Setiap rancangan yang ditentukan adalah dilaksana dan disempurnakan bagi mendapatkan hasil yang maksima.

Saya tidak berhajat hendak menerangkan satu-persatu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi memberikan sepintas lalu usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian untuk mencapai matlamat pembangunan dalam sektor pertanian dan perikanan untuk memajukan kaum tani dan nelayan.

Usaha-usaha memajukan sektor pertanian dan perikanan negara ini dijalankan di tengah-tengah berbagai bentuk keadaan, kerumitan dan suasana, terutama sekali latar-belakang petani-petani dan nelayan-nelayan yang bergiat secara tradisional. Tenaga petani-petani dan nelayan-nelayan itu perlu disusun dengan rapi supaya dapat digembeling bagi mencapai bukan sahaja maksud pembangunan itu tetapi juga membolehkan mereka bergerak dan bergiat dari cara tradisional kepada cara-cara moden. Dari itu maka petani-petani di susun tenaganya menerusi Koperasi-koperasi Peladang manakala nelayan-nelayan pula menerusi Koperasi-koperasi Nelayan. Dengan adanya penyatuan tenaga itu, dapatlah Kerajaan menyalurkan kemudahan-kemudahan seperti trektor dan alat-alat pertanian lain kepada petani-petani manakala injin-injin, pukapuk dan juga modal-modal yang amat diperlukan kepada nelayan-nelayan.

Beras adalah merupakan bahan makanan utama negara ini. Dasar Kerajaan sekarang ialah untuk mengeluarkan beras yang cukup bagi keperluan negara. Pengeluaran beras ini bergantung besar kepada kemudahan-kemudahan pengairan dan juga alat-alat yang digunakan. Di antara tahun 1961 hingga ke tahun 1975, Kerajaan telah membelanjakan kira-kira \$500 juta untuk melaksanakan rancangan-rancangan pengairan di seluruh negara. Hasilnya, dalam jangka waktu tersebut kawasan sawah padi seluas kira-kira 758 ribu ekar telah dapat dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan pengairan. Dari keluasan itu juga kira-kira 543 ribu ekar dapat ditanam dua kali setahun. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini kira-kira \$303 juta lagi akan dibelanjakan untuk maksud yang sama. Adalah dijangkakan di akhir tahun 1980, luas kawasan yang dapat dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan pengairan akan meningkat kepada 883 ribu ekar di mana kira-kira 647 ribu ekar dapat ditanam

dua kali setahun. Di samping rancangan-rancangan itu percubaan-percubaan juga sedang diselenggarakan untuk menanam padi lima kali dalam tempoh dua tahun.

Pengeluaran beras yang cukup ini juga bergantung kepada kemampuan kita untuk meninggikan hasil dari seekar. Perangkaan-perangkaan menunjukkan bahawa pengeluaran hasil padi seekar telah meningkat dengan menggalakkan sehingga hasil pukol rata seekar sekarang ialah lebih dari 400 gantang. Ada juga kawasan-kawasan seperti di MUDA, KADA, Tanjong Karang, Seberang Prai yang telah mengeluarkan hasil lebih dari seribu gantang seekar. Penyelidikan memainkan peranan yang besar dalam usaha menambahkan hasil keluaran ini. MARDI yang menjalankan tugas-tugas penyelidikan ini, telahpun berjaya memperkenalkan padi-padi jenis baru yang telah memberi impact yang besar dalam keluaran hasil padi. Petani-petani juga ditunjuk ajar dan digalakkan menggunakan kaedah-kaedah moden seperti benih-benih yang lebih bermutu tinggi, kegunaan baja yang sempurna dan kawalan yang rapi. Bagi mempercepatkan kemajuan tersebut Kerajaan memberikan subsidi kepada petani-petani. Matlamat Kerajaan ialah untuk memberikan subsidi-subsidi kepada lebih dari 300 ribu orang petani yang melibatkan kawasan lebih dari 400 ribu ekar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Setakat ini kira-kira 100 ribu orang petani telahpun menerima bantuan tersebut yang melibatkan kawasan lebih dari 100 ribu ekar. Kementerian Pertanian juga telahpun identify kawasan-kawasan yang baru untuk tanaman padi di Endau-Rompin, di Sarawak dan juga di Sabah. Pembukaan kawasan-kawasan baru ini perlukan penelitian terutama dari segi kewangan. Di samping itu Kementerian juga sedang mengambil tindakan memajukan lagi kawasan-kawasan yang sedia ada seperti Seberang Perak, Sungai Manik dan Krian dan juga kawasan-kawasan yang kecil-kecil bukan sahaja untuk menambahkan keluaran beras negara tetapi juga menambahkan pendapatan petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari menumpukan perhatian ke atas makanan utama itu, Kementerian juga menggalakkan petani-petani mempelbagaikan pertanian mereka, dengan tanaman-tanaman jangka pendek. Bagi tahun 1976-77 sahaja Jabatan Pertanian telah mengedarkan benih-benih pokok berbagai jenis buah-buahan kepada 23,549

orang petani yang melibatkan kawasan 18,571 ekar. LPP pula telah membelanjakan \$7.6 juta untuk menggalakkan ahli-ahlinya menanam berbagai jenis tanaman jangka pendek yang melibatkan lebih dari 22 ribu ekar dan 17 ribu orang petani. Tahun ini LPP memajukan kawasan seluas 14,957 ekar melibatkan 9,581 orang petani dengan belanja \$5.6 juta bagi tujuan yang sama. Pelaksanaan rancangan-rancangan menambahkan pendapatan petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha memajukan kaum nelayan adalah rumit bukan sahaja nelayan itu bertaburan di dalam kira-kira 350 buah kampung nelayan di sepanjang pantai latarbelakang mereka tetapi juga kaitan dengan orang tengah. Mereka ini digalakkan melibatkan diri di dalam Koperasi-koperasi Nelayan ataupun di dalam Pertubuhan-pertubuhan Nelayan. Matlamat Kerajaan ialah untuk menyatukan mereka ini ke dalam 52 buah Koperasi Nelayan; 45 di Semenanjung dan 7 di Sarawak. Setakat ini 36 buah telahpun ditubuhkan; 32 di Semenanjung dan 4 di Sarawak. Seperti Koperasi Peladang juga, Kerajaan menyalurkan bantuan-bantuan kepada nelayan-nelayan yang benar-benar dhaif dengan memberi injin-injin sangkut, injin-injin dalam dan pukuk-pukuk bagi membolehkan mereka menangkap ikan dengan lebih sempurna. Koperasi-koperasi Nelayan ini juga digalakkan menjalankan perniagaan bagi memenuhi keperluan-keperluan nelayan seperti minyak diesel air batu dan juga pemasaran. MAJUIKAN mempunyai \$23.8 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk dijadikan modal pusingan kepada Koperasi-koperasi Nelayan menalakan kegiatan-kegiatan tersebut. Setakat ini lebih dari \$3 juta telahpun disalurkan kepada koperasi-koperasi tersebut manakala dalam tahun ini (1978) sejumlah \$5 juta lebih akan dibelanjakan. Kerajaan juga telah bersetuju untuk memberikan subsidi 5 sen segalen minyak diesel kepada nelayan. Kementerian sedang meneliti cara-cara pemberian ini supaya nelayan benar-benar mendapatkan faedah tersebut.

Kerajaan juga menggalakkan usaha-usaha menternak ikan air payau dan air tawar di kawasan-kawasan yang sesuai. Ini bertambah perlu memandangkan adanya tanda-tanda kemerosotan bilangan ikan di laut. Apabila Stesyen penetasan ikan air payau di Gelang Patah Johor, siap sedikit masa lagi, ianya

akan dapat membekalkan anak-anak ikan yang diperlukan, dengan lebih mudah lagi. MAJUIKAN juga membantu Koperasi-Koperasi Nelayan untuk menternak bukan sahaja ikan-ikan ini, tetapi juga kerang dan ketam.

Petani-petani juga digalakkan menternak ikan darat. Subsidi-subsidi juga diberikan untuk membantu mereka membina kolam-kolam manakala anak-anak ikan dan juga anak-anak udang galah diberikan secara percuma. Pada masa ini terdapat sebanyak 10,313 buah kolam ikan melibatkan kawasan seluas 11,263 ekar. Pada masa ini pusat-pusat membiak anak ikan mengeluarkan kira-kira 4 juta anak ikan setahun yang diedarkan kepada penternak-penternak. Jabatan Perikanan memberikan kursus-kursus kepada penternak-penternak ini di Pulau Pinang, Pahang dan Trengganu. Anak-anak nelayan yang sesuai juga dilatih di Institut Perikanan Pulau Pinang bagi membolehkan mereka menyerapkan unsur-unsur moden di dalam perusahaan perikanan terutama sekali untuk menangkap ikan di lautan dalam. Setakat ini 329 orang telahpun dilatih di Pulau Pinang manakala 769 orang lagi menerusi kapal-kapal menangkap ikan commercial. Nelayan-nelayan juga dihantar melawat sambil belajar di tempat-tempat yang sudah maju dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak dapat menjawab semua syor-syor yang telah disentuh mengenai Kementerian saya, Kementerian saya sentiasa mengambil perhatian dengan sepenuhnya.

6.41 ptg.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran-teguran yang membina dan tulus ikhlas dalam perbincangan Titah Diraja.

Yang Berhormat Senator General Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin telah mencadangkan supaya kutub khana didirikan di setiap daerah dengan bahan-bahan bacaan disediakan untuk semua penuntut.

Sukacita saya maklumkan bahawa perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Negeri dan Badan yang berkuasa pada peringkat Negeri adalah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri serta Kerajaan-kerajaan Negeri. Setakat ini beberapa perpustakaan telahpun memulakan Perkhidmatan Perpustakaan Awam di kawasan-kawasan luar bandar dengan mengadakan cawangan-cawangan di Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Persekutuan melalui Perpustakaan Negara telah memperuntukkan sebanyak \$1,555,980 untuk pembangunan Perpustakaan Awam di semua negeri-negeri bagi tahun ini. Perpustakaan Negara telah memperuntukkan sebanyak \$500,000 untuk tujuan ini.

Yang Berhormat Senator Ismail bin Hashim telah menyentuh berkenaan geran pelancaran Majlis Perbandaran Melaka Tengah.

Bagi Majlis Perbandaran Melaka Tengah, formula yang digunakan sudah merupakan formula bagi Majlis Perbandaran yang mempunyai luas kawasan lebih dari 40 batu persegi dan penduduk lebih daripada 150,000 orang, tertakluk kepada luas kawasan maksimum 190 batu persegi dan jumlah penduduk seramai 180,000 orang. Dengan menggunakan formula ini Majlis Perbandaran berkenaan juga merangkumi kawasan luar bandar selain dari ianya merupakan satu pusat bandar yang padat di mana terdapat penumpuan penduduk yang tinggi. Formula ini juga lebih sesuai kepada Majlis Perbandaran Melaka Tengah, di mana perhatian yang sebelum daripada ini tidak mendapat perkhidmatan Kerajaan Tempatan yang sempurna.

Ada kemungkinan bahawa Geran Pelancaran sebanyak \$1.3 juta ini tidak akan dapat menampung sepenuhnya segala perbelanjaan modal bagi membeli alat-alat serta pembangunan infrastruktur Majlis Perbandaran berkenaan. Oleh itu Kerajaan Persekutuan berharap agar Kerajaan Negeri Melaka juga akan dapat bersama-sama memainkan perannya di dalam proses penyusunan semula ini dengan memberi peruntukan tambahan kepada Majlis Perbandaran Melaka Tengah memandangkan bahawa Penguasa Tempatan adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sendiri. Dengan adanya bantuan tambahan tersebut, Kerajaan Persekutuan yakin bahawa Majlis Perbandaran

Melaka Tengah akan mempunyai peruntukan yang cukup bagi menjalankan pentadbiran serta pembangunannya dengan lebih baik dan maju.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah menyentuh berkenaan penggunaan Bahasa Malaysia di papan iklan.

Mengenai perkara ini, di bawah Undang-undang kecil (Iklan) Bandaraya Kuala Lumpur, 1977, semua iklan hendak memberi keutamaan yang sewajarnya kepada penggunaan Bahasa Malaysia. Sebelum papan-papan iklan didirikan oleh orang ramai, mereka terlebih dahulu diminta menghantar contoh kasar tulisan iklan yang mereka akan gunakan kepada pihak Dewan Bandaraya untuk kelulusan. Iklan ini akan diluluskan setelah disahkan bahawa Bahasa Malaysia diberi keutamaan dan menggunakan nahu serta ejaan yang betul.

Yang Berhormat Senator Yap Peng telah menyentuh bahawa tiada penyelarasan di antara apa yang dirancangan dan apa yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ini kata beliau mengakibatkan banjir berlaku selepas hujan lebat. Berkenaan perkara ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telahpun berjaya mendapatkan persetujuan daripada beberapa pihak Pemaju Perumahan di Kuala Lumpur untuk memberi sumbangan dan memikul tanggungjawab mengatasi masalah banjir di kawasan perumahan pemaju-pemaju tersebut. Contohnya, Dewan Bandaraya telah mendapatkan persetujuan daripada 21 orang pemaju Perumahan (termasuk tuan-tuan punva tanah) di kawasan Cheras dan 7 orang Pemaju Perumahan di kawasan Kelang Lama untuk mengeluarkan perbelanjaan sepenuhnya dalam menyediakan sistem perwaritan di kawasan perumahan masing-masing sebagai langkah mengatasi masalah-masalah banjir.

Yang Berhormat Senator Dr Lim Keng Yaik telah menyentuh mengenai perkara penyusunan semula Kerajaan-kerajaan Tempatan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah maklum penguasa-penguasa tempatan adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri dan adalah difahamkan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri sedang memberi pertimbangan terhadap penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan di dalam negeri

masing-masing. Setakat hari ini seluruh negeri Pulau Pinang dan Selangor telah menyusun semula penguasa-penguasa tempatan mereka mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Selain daripada negeri-negeri tersebut sebahagian daripada Negeri Melaka (iaitu Majlis Perbandaran Melaka Tengah) dan sebahagian daripada Negeri Kedah telah menyusun semula mengikut Akta tersebut. Dengan penyusunan semula ini penguasa-penguasa tempatan akan diberi bantuan kewangan berbentuk Geran Pelancaran dan Geran Tahunan. Daripada bantuan-bantuan ini Kementerian Kerajaan Tempatan yakin penguasa-penguasa tempatan berkenaan dapat memajukan kawasan masing-masing dan memberi perkhidmatan yang lebih baik.

Yang Berhormat Senator Tuan M. Mahalingam telah menyentuh berkenaan dengan masalah setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan. Seperti yang telah dinyatakan tadi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mempergiatkan usahanya untuk membina rumah-rumah harga murah di mana setinggan-setinggan dibiarkan terus tinggal di tanah-tanah Kerajaan dan kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, pembinaan jambatan-jambatan dan mengangkut sampah telahpun disediakan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak bin Hussain telah mencadangkan supaya Pelan Induk Kuala Lumpur disediakan dan dibentangkan kepada orang ramai. Berkaitan dengan perkara ini, (project brief) bagi pelan induk ini telahpun disiapkan dan pada masa ini semua jawatan-jawatan untuk menyediakan pelan ini telah diluluskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan sedang diisi. Kerja-kerja menyediakan pelan tersebut telahpun dimulakan. Apabila Pelan Induk Kuala Lumpur ini sudah disiapkan, ianya akan dibentangkan kepada orang ramai.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan supaya Dewan Bandaraya mempergiatkan lagi usahanya dalam memberi peluang kepada bumiputra untuk berniaga. Berkenaan perkara ini Dewan Bandaraya memang sedang memberi peluang serta tempat berniaga kepada bumiputra. Satu objektif penting Dewan Bandaraya adalah mendukung cita-cita Dasar Ekonomi Baru

Kerajaan. Oleh yang demikian, Dewan Bandaraya menyediakan peluang dan tempat-tempat berniaga untuk bumiputra bagi penyertaan mereka di dalam bidang perniagaan.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik telah menyentuh berkenaan pengawalan banjir di bandar Kuala Lumpur.

Dewan Bandaraya dengan kerjasama Jabatan Parit dan Taliair telah mengambil beberapa langkah untuk masaalah banjir di Wilayah Persekutuan. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan \$13 juta di dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk mengatasi masaalah banjir di Wilayah Persekutuan. Projek-projek yang telah, sedang dan akan dijalankan adalah seperti berikut :

- (1) Projek di Sungai Berberas (Jalan Bangsar) telah disiapkan dengan perbelanjaan sebanyak \$1.65 juta.
- (2) Memperbaiki Sungai Bunus dengan pembinaan sebuah kolam takungan—Peringkat I sedang dijalankan dan perbelanjaan yang dianggarkan ialah \$1.2 juta.
- (3) Pembinaan semula “Sungai Bunus Deviation” sedang di dalam perancangan dan perbelanjaan yang dianggarkan ialah sebanyak \$2 juta.
- (4) Memperbaiki Sungai Kerayong di Jalan Kuchai Lama, projek ini telah siap dilaksanakan dengan perbelanjaan sebanyak \$800,000.
- (5) Memperbaiki Sungai Batang Tolak dengan membina jambatan telah disiapkan dengan perbelanjaan sebanyak \$100,000.
- (6) Menjalankan kerja-kerja perparitan di Batu 4½ Jalan Kelang Lama, projek ini sedang dijalankan dan perbelanjaan telah dianggarkan ialah sebanyak \$1.65 juta (pihak pemaju-pemaju perumahan di kawasan itu telah memberi sumbangan sebanyak \$1.4 juta).
- (7) Memperbaiki Sungai Batu. Projek ini sedang dijalankan dengan anggaran perbelanjaan sebanyak \$3.1 juta.
- (8) Memperbaiki Sungai Gombak dari kualitasnya hingga ke Tiong Nam, tawaran-tawaran telah dipanggil dan anggaran perbelanjaan baginya ialah sebanyak \$2.6 juta.

(9) Memperbaiki Sungai Kelang daripada Jambatan Sulaiman hingga ke Jalan Pekeliling. Tawaran juga telah dipanggil dan perbelanjaan adalah dianggarkan sebanyak \$1.3 juta.

Dewan Bandaraya telah juga menyediakan satu Pasukan Pekerja-pekerja yang bertugas 24 jam sehari untuk membersihkan longkang-longkang dan parit daripada tersumbat dan tertahan oleh sampah-sarap yang boleh mengakibatkan banjir. Misalnya, di rumah pangsa Sri Pahang, Jalan Bangsar, satu Pasukan Pekerja telah ditempatkan supaya mereka boleh diarahkan setiap kali berlaku banjir di Jalan Bangsar.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh tentang pembinaan rumah murah dan rumah-rumah pangsa oleh Dewan Bandaraya.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan Bandaraya telah merancang untuk membina sejumlah 13,801 yunit rumah harga murah dengan peruntukan sebanyak \$103 juta. Sebahagian daripada rumah-rumah ini akan diutamakan kepada setinggan-setinggan yang tinggal di tapak-tapak kawasan yang terlibat dengan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan. Dewan Bandaraya sebagai pihak berkuasa perancang di Wilayah Persekutuan juga menggalakkan dan memberi inisiatif kepada pemaju-pemaju perumahan swasta untuk membina sebanyak 30% rumah-rumah di rancangan perumahan mereka. Di samping itu, Dewan Bandaraya juga telah mendapat kelulusan daripada Kabinet untuk membina rumah-rumah panjang sebanyak 1,500 yunit pada tahun 1978 iaitu tahun ini juga. Pada masa ini Dewan Bandaraya juga telah membiarkan setinggan-setinggan terus tinggal di tanah Kerajaan yang tidak ada apa-apa rancangan pembangunan dalam masa jangka pendek.

Ahli Yang Berhormat itu telah mengatakan tong-tong bunga di tepi-tepi jalan jarang disiram air, bunganya tidak ada dan lalang lebih tinggi daripada bunga.

Sebenarnya tong-tong bunga ini selalunya disiram dengan air oleh pekerja-pekerja Bandaraya. Dewan Bandaraya sedang mempergiatkan usaha mengindahkan Bandaraya dengan menanam lebih pokok-pokok bunga di sekitar bandaraya. Tetapi kadang-kadang

usaha-usaha ini terbantut disebabkan kerja-kerja pembaikan sistem lalulintas dan kerja gali-menggali jalan-jalanraya Dewan Bandaraya juga berusaha menjalankan kerja memotong rumput dan sebahagian daripada kerja ini telah juga diserahkan kepada kontraktor-kontraktor persendirian. Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat bahawa simpang-simpang jalan dan kebun bunga kekurangan pokok-pokok bunga, Dewan Bandaraya telah berusaha memulihkannya untuk menanam dan menjaga pokok-pokok bunga di tempat-tempat itu. Kekurangan yang disebutkan itu, jika ada, adalah disebabkan kadangkala oleh kerja-kerja pembaikan sistem lalulintas yang sedang berjalan dan sebab-sebab seperti itu.

Ahli Yang Berhormat itu telah juga menyatakan bahawa pegawai-pegawai yang menerima pembayaran cukai pintu adalah kurang bersopan. Semua pegawai-pegawai yang melayan orang ramai telah diberi arahan untuk bersikap sopan-santun. Tindakan tata-tertib akan diambil sekiranya terdapat pegawai melanggar arahan ini. Sejauh ini pegawai-pegawai kanan di Dewan Bandaraya tidak menerima aduan mengenai sikap pegawai-pegawai seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat itu daripada orang ramai. Adalah dihargai sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat merujuk kes-kes yang tertentu seperti yang dikatakan oleh beliau kepada pentadbiran Dewan Bandaraya untuk siasatan dan tindakan sewajarnya.

Setakat itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menarik perhatian dalam Kementerian ini dan memberi teguran-teguran yang sungguh membina.

6.59 ptg.

**Menteri Perusahaan Awam (Datok Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang membina kepada badan-badan berkanun di bawah tanggungjawab Kementerian saya. Oleh kerana perkara-perkara yang dibangkitkan itu menyentuh beberapa aspek, maka saya akan memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang penting sahaja.

Yang Berhormat Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin telah menyentuh perkara penyelewengan rumah yang didirikan oleh Yayasan Pelajaran MARA. Yang Berhormat itu bertanya samada Biro Siasatan Negara telahpun siap membuat penyelidikan ataupun penyelidikan sedang dijalankan di atas perkara yang tersebut. Bagi menjawabnya sukacita saya menyatakan iaitu sehingga ke tarikh ini Y.P.M. belum lagi memberitahu secara rasmi tentang adanya aduan kepada B.S.N. terhadap perjalanan projek tersebut. Apa yang terdapat ialah dua pucuk surat yang ditulis oleh dua orang pemohon yang meminta dikembalikan wang pertaruhan mereka dalam tempoh 7 hari setelah pemohon itu diberitahu yang mereka tidak berjaya. Surat tersebut ada salinannya dihantarkan kepada Biro Pengaduan Awam dan Bahagian Pengawasan Perumahan, Kementerian Perumahan, dan Y.P.M. telahpun dijawab surat yang berkaitan.

Yang Berhormat Senator Haji Ahmad Azizuddin telah membangkitkan perkara pengurusan yang lemah di Perbadanan-perbadanan Awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sentiasa mengawasi perkara ini dan juga mengatur kursus-kursus kepada pegawai-pegawai pengurusan supaya dapat ditinggikan lagi mutu pengurusan mereka. Begitu juga perkara duplikasi tugas antara Perbadanan-perbadanan Awam sukaiah saya menegaskan iaitu perkara ini sentiasa di dalam perhatian Kementerian saya. Pendek kata, Kementerian saya telahpun menetapkan garis-garis panduan bagi setengah-setengah jenis projek di mana tidak ada berlaku duplikasi di antara Perbadanan-perbadanan Awam di bawah tanggungjawab Kementerian saya.

Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Abdullah telah menyentuh supaya MARA membina dengan segera gerai-gerai di pekan

Padang Rengas bagi peniaga-peniaga Bumi-putra. Bagi menjawab perkara ini sukacita saya menyatakan iaitu MARA telahpun meluluskan satu rancangan pembinaan 5 buah bazar di bandar Padang Rengas sebagai satu daripada projek Rancangan Malaysia Ketiga ini akan dilaksanakan dalam tahun 1978.

Yang Berhormat Senator Ismail bin Hashim telah meminta supaya ditimbang semula permohonan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) bagi mendapatkan pinjaman daripada kerajaan Pusat untuk menambah ekuiti Syarikat International Goodwill itu. Bagi menjawabnya sukacita saya menerangkan iaitu perkara ini telahpun dikaji oleh Jawatankuasa dan perakuan Jawatankuasa itu telahpun dilanjutkan kepada pihak Perbendaharaan untuk keputusan muktamad.

Akhir kata, suka saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran di atas Badan-badan Berkanun di bawah tanggungjawab Kementerian saya. Ini adalah menunjukkan yang Ahli-ahli Yang Berhormat menaruh kepercayaan di atas tanggungjawab dan tugas Kementerian saya dan saya sukacita menegaskan iaitu saya akan berazam mengemaskan lagi cara-cara pengawasan dan penyelarasan aktiviti-aktiviti Badan-badan Berkanun di bawah tanggungjawab Kementerian saya supaya tidak ada penyelewengan atau aktiviti-aktiviti yang terkeluar daripada dasar Kerajaan yang tertentu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok hari Rabu, 26hb April, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.05 malam.*